

## **KETEGANGAN HUBUNGAN INDONESIA-MALAYSIA DALAM ISU TARIAN PENDET**

### ***THE TENSION BETWEEN INDONESIA-MALAYSIA IN THE PENDET DANCE ISSUE***

**Ali Maksum<sup>1</sup> and Reevany Bustami<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

\*Corresponding author: amaksum@gmail.com

*Artikel ini menganalisis pertikaian tarian pendet tahun 2009 yang telah meningkatkan ketegangan dalam hubungan Indonesia-Malaysia. Dengan menggunakan perspektif realisme dalam kajian hubungan antarabangsa, artikel ini membentangkan hujah-hujah dalam tiga bahagian: (1) analisis senario pertikaian tarian pendet, (2) faktor-faktor yang mempengaruhi isu tersebut, dan (3) kesannya ke atas hubungan Indonesia-Malaysia. Walaupun isu atau kontroversi tarian pendet ini mendapat perhatian di kedua-dua negara, reaksi sesetengah pihak di Indonesia dilihat agak melampau berbanding dengan reaksi di Malaysia. Hal ini berkemungkinan besar disebabkan oleh hakikat bahawa pertikaian tarian pendet berlaku di tengah-tengah senario persaingan politik dalaman pasca pilihan raya presiden 2009 di Indonesia. Akibatnya, sentimen anti-Malaysia telah dieksploitasikan di Indonesia. Walau demikian, hubungan kerajaan dengan kerajaan kekal stabil, meskipun hubungan rakyat dengan rakyat terjejas, justeru menambah lagi titik yang tidak menyenangkan dalam sejarah kedua-dua negara.*

**Kata kunci:** etnik, ketegangan budaya, tarian pendet, media, hubungan Indonesia-Malaysia

*This article examines the pendet dance dispute of 2009 which has heightened the tension in Indonesia-Malaysia relations. Employing the realism perspective in international relations studies, this article presents its arguments in three parts: (1) scenario analysis of pendet dance dispute, (2) the factors that influence the issue and (3) its impact on Indonesia-Malaysia relations. Although the issue or controversy of the pendet dance has drawn gained attention in both countries, the reaction of some parties in Indonesia is seen to be quite extreme compared to that of Malaysia. This is largely due to the fact that the pendet dance dispute occurred within the scenario of internal political contestation of post 2009 presidential election in Indonesia. Consequently, anti-Malaysian sentiments were exploited in Indonesia. Nevertheless, the government-to-government relation remains stable,*

*despite the fact that the people-to-people relation is affected, hence adding to another unpleasant spot in the history of the two nations.*

Keywords: ethnic, cultural tension, pendet dance, media, Indonesia-Malaysia relations

## PENGENALAN

Isu tarian pendet merupakan isu yang cukup penting untuk diketengahkan dalam konteks pembangunan hubungan Indonesia-Malaysia pada fasa kebelakangan ini. Walaupun isu tarian pendet hanya berlaku sekali sahaja pada tahun 2009, namun isu tersebut sedikit sebanyak mengganggu keharmonian hubungan dua hala khususnya antara kedua-dua masyarakat. Isu tarian pendet cukup mengganggu hubungan kedua-dua negara berikutan bantahan yang agak melampau disusuli oleh isu penyapuan (*sweeping*) warga Malaysia terutamanya di Jakarta dan laungan untuk mencero boh Malaysia. Selain itu, keadaan bertambah meruncing apabila media pula turut membangkitkan emosi masyarakat Indonesia akibat penyiaran berita yang cenderung bersifat provokatif. Oleh sebab itu, isu tarian pendet perlu dibahaskan dengan lebih lanjut dan faktor-faktor yang mempengaruhi timbulnya isu tersebut.

Artikel ini menggunakan pendekatan asas hubungan antarabangsa khususnya realisme yang meletakkan negara sebagai pelaku utamanya (Mohd Noor, 2000). Namun pada asasnya teori realisme tidak menafikan faktor-faktor dalaman terutamanya elit politik, media dan pendapat orang ramai dalam mempengaruhi proses hubungan luar negeri sesebuah negara (Sterling-Folker, 1997). Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada situasi antarabangsa semasa sama ada dalam keadaan tekanan tinggi ataupun rendah (Rose, 1998). Fenomena antarabangsa terutamanya selepas tamatnya Perang Dingin menyaksikan tekanan antarabangsa yang semakin rendah serta semakin popularnya isu-isu berkaitan identiti, hak asasi manusia dan pendemokrasian (Abubakar, 2011: 60). Nati jahnya, elemen politik dalaman termasuk media massa semakin sukar untuk dikawal seperti mana yang berlaku di Indonesia (Schneier, 2009: 296). Justeru isu tarian pendet yang mencetuskan ketegangan hubungan dua hala perlu dibincangkan secara lebih lanjut sama ada ia menggugat hubungan dua hala secara *state-to-state* atau hanya menjejaskan hubungan antara masyarakat sahaja. Persoalan sama ada ia hanya merupakan satu isu yang dimanipulasi oleh elit-elit tertentu terutamanya di Indonesia yang cuba mengambil keuntungan politik daripada isu tarian pendet menerusi provokasi media juga perlu diambil kira. Oleh itu, pada bahagian seterusnya dibincangkan berkaitan latar belakang, senario tarian pendet secara lebih lanjut lagi.

Hubungan diplomatik antara kedua-dua negara serumpun sebagai dua negara merdeka secara rasminya bermula pada tahun 1957. Indonesia yang telah

mencapai 12 tahun kemerdekaan lebih awal, amat menyambut baik kemerdekaan Tanah Melayu. Malah, pada pandangan Indonesia, kebebasan Tanah Melayu akan membuka satu babak baru dalam hubungan Tanah Melayu-Indonesia (Nik Anuar, 2000: 11). Walau bagaimanapun, hubungan ini tidak bertahan lama disebabkan timbulnya perbezaan kefahaman antara kedua-dua negara berhubung politik antarabangsa semasa Perang Dingin. Presiden Indonesia, Sukarno lebih memilih bekerjasama dengan blok komunis sementara Perdana Menteri Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman pula cenderung bersandar ke arah pengaruh kuat blok kapitalis. Salah satu isu penting yang menggugat hubungan kedua-dua negara pada permulaan adalah isu tuntutan Irian Barat oleh Indonesia. Ketika isu Irian Barat dibahas dalam forum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada bulan September 1957, Tanah Melayu mengambil pendirian berkecuali (Nik Anuar, 2000: 12). Tindakan ini menjadikan Presiden Sukarno semakin kurang menyukai sikap Tunku Abdul Rahman. Pada masa yang sama, Tanah Melayu pula didakwa melindungi para pemberontak Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia (PRRI) yang mencari suaka politik di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura (Nik Anuar, 2000: 12).

Di tengah-tengah situasi yang semakin panas, penggabungan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1963 menjadi punca timbulnya konfrontasi antara kedua-dua negara. Dengan berlakunya konfrontasi tersebut, ia sedikit sebanyak mengundang kebencian Presiden Sukarno sendiri terhadap penubuhan Malaysia yang dianggapnya sebagai bentuk penjajahan baru (*neo-colonialism*). Presiden Sukarno juga menganggap Malaysia sebagai boneka British di rantau Asia Tenggara. Selain itu, Sukarno juga cukup marah disebabkan Tunku Abdul Rahman tidak memaklumkan rancangan penggabungan Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Tanah Melayu menjadi Malaysia (Mohamad Redzuan et al., 2009: ix-xvii). Pada pandangan Tunku Abdul Rahman, Sukarno dan Menteri Luar Dr. Subandrio tidak memberi tanggapan yang positif berhubung cadangan penubuhan Malaysia disebabkan mempunyai dendam terhadap Tunku Abdul Rahman berhubung masalah Irian Barat (Kunaseelan, 1996: 153). Lebih jauh lagi, Sukarno juga menegaskan bahawa kerajaan dan masyarakat Indonesia bukan sahaja tidak bersetuju dengan penubuhan Malaysia tetapi mereka akan menentang idea itu sehingga kegagalannya (Kunaseelan, 1996: 175). Oleh sebab itu, dengan semangat "Ganyang Malaysia" dalam satu perhimpunan umum pada 27 Julai 1963, Sukarno memutuskan untuk melakukan Konfrontasi terhadap Malaysia (Kunaseelan, 1996: 176). Dalam menggerakkan konfrontasi, Sukarno menubuhkan Komando Ganyang Malaysia (KOGAM) dan menghantar sejumlah Tentera Nasional Indonesia (TNI) ke sempadan Malaysia di Sarawak dan Sabah. Walau bagaimanapun, konfrontasi berlangsung secara senyap dan tidak pernah diumumkan secara rasmi oleh kedua belah pihak (Gatra, 2005; Harold and Sheil-Small, 1979).

Bagi meredakan ketegangan tersebut pelbagai usaha perdamaian dilakukan oleh kedua-dua belah pihak. Kejayaan kedua-dua negara mencapai

kemuncaknya ketika rombongan besar Indonesia melakukan kunjungan muhibah ke Kuala Lumpur yang dipimpin oleh Mejar Jeneral Kemal Idris dan disambut oleh Tun Abdul Razak (Mohamad Redzuan et al., 2009: ix–xvii). Salah satu faktor penting kejayaan proses perdamaian tersebut ialah perubahan politik di Indonesia berikutan berlakunya rampasan kuasa pada tahun 1965 yang dikenali sebagai Gerakan 30 September (G30S) di Jakarta. G30S merupakan peristiwa percubaan rampasan kuasa yang dilakukan oleh pengawal Presiden Sukarno (Pasukan Cakrabirawa) pada 30 September 1965. G30S telah membawa kepada kejatuhan Presiden Sukarno dan kemunculan Jeneral Suharto sebagai pemimpin Indonesia yang baru telah membolehkan proses pemulihan hubungan kedua-dua negara semakin menjadi kenyataan. Berkat kerjasama kedua-dua belah pihak, Indonesia dan Malaysia berjaya mencapai kata sepakat bagi menamatkan konfrontasi melalui satu perjanjian yang dimeterai pada 11 Ogos 1966 di Bangkok, Thailand. Selepas perjanjian antara Menteri Luar Indonesia Adam Malik dan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan Malaysia, Tun Abdul Razak, maka hubungan kedua-dua negara kembali pulih. Bagi memperhebatkan hubungan dua hala dan juga kerjasama antara negara-negara Asia Tenggara yang lain, kedua-dua negara turut menyokong penuh penubuhan Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) pada tahun 1967 sebagai organisasi kerjasama serantau. Dengan tertubuhnya ASEAN, hubungan kedua-dua negara menjadi semakin baik dan kukuh, dan ini merupakan dinamika terpenting kestabilan politik Asia Tenggara.

Hubungan kedua-dua negara juga semakin rapat selepas berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 di Malaysia (Kunaseelan, 1996: 250–251). Peristiwa tersebut mengakibatkan berlakunya gelombang kedatangan "pendatang" Indonesia secara besar-besaran ke Malaysia (Liow, 2005: 116). Hubungan mesra kedua-dua negara berlanjutan dengan kerjasama di dalam pelbagai bidang. Dalam bidang pendidikan misalnya, pada tahun 1970 Malaysia menghantar lebih kurang 663 pelajar untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti Indonesia. Pada tahun yang sama Indonesia juga bersetuju menghantar 17 orang pensyarah untuk berkhidmat dan membantu menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (Kunaseelan, 1996: 266–267).

Dalam analisis Dewi Fortuna Anwar selama pentadbiran Orde Baru, kerjasama Indonesia-Malaysia meningkat dalam pelbagai sektor terutamanya bidang ekonomi dan keselamatan (Dewi Fortuna, 1994: 143–146). Selain itu, terdapat pula isu Asia Tenggara sebagai kawasan yang damai, bebas nuklear dan neutral atau *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* (ZOPFAN). Hal ini kerana isu ZOPFAN berkait rapat dengan perlu tidaknya keterlibatan kuasa besar terutamanya Amerika Syarikat di Asia Tenggara selepas kunjungan mengejut Presiden Richard Nixon ke China tahun 1971 (Dewi Fortuna, 1994: 235). Walau bagaimanapun, kedua-dua negara berjaya menyelesaikan isu tersebut menerusi "*Kuantan Principle*" (Liow, 2005: 129–131). Seterusnya, isu persempadanan timbul pada awal tahun 1980-an namun ia baru dibahas tahun 1991 atau selepas

Perang Dingin terutamanya berkaitan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan. Isu tersebut akhirnya diselesaikan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa dan memutuskan Malaysia sebagai pemilik sah kedua-dua pulau berkenaan pada Disember 2002. Demikian halnya dengan isu pendatang yang cukup sensitif mula timbul pada penghujung tahun 1990-an diikuti oleh isu-isu seperti campur tangan Malaysia ke atas Aceh serta isu keganasan (Liow, 2005: 143–165).

Selepas Suharto dan Orde Baru jatuh daripada tampuk kepimpinan Indonesia berikutan Reformasi tahun 1998, hubungan Indonesia-Malaysia sedikit sebanyak telah terjejas. Pelbagai isu agak mengganggu keharmonian dua hala bermula isu campur tangan Indonesia ke atas kes Anwar Ibrahim 1998–1999, isu Sipadan-Ligitan, isu Ambalat, isu penderaan para pekerja Indonesia di Malaysia termasuklah isu pertikaian produk budaya seperti nyanyian dan tarian. Malah isu-isu tersebut agak membimbangkan kerana melibatkan elemen ketenteraan dan timbulnya pandangan negatif antara masyarakat kedua-dua negara berikutan provokasi di media-media arus perdana di kedua-dua belah pihak (Ramli, Wan Shawaluddin dan Baszley Bee, 2007). Selain itu, sentimen negatif di antara kedua-dua negara mula wujud disebabkan timbulnya pelbagai isu dan permasalahan antara kedua-dua belah pihak. Pada pandangan pihak Indonesia, selepas berlakunya pelbagai kes seperti masalah sempadan, penderaan pembantu rumah dan penggunaan istilah "Indon" Malaysia dilihat semakin sombong, tidak tahu membalas budi dan tamak (Abubakar, 2008). Demikian halnya dengan imej Indonesia di mata masyarakat Malaysia semakin negatif berikutan semakin ramai masyarakat Indonesia yang terlibat dengan jenayah dan gejala sosial di Malaysia. Terdapat beberapa imej negatif yang dilabelkan kepada masyarakat Indonesia di Malaysia iaitu "*troublemaker*" (Liow, 2004), amah atau pembantu rumah, "pekerja sampingan" atau pelacur serta "isteri simpanan" (Silfia, 2009). Namun begitu, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, Rais Yatim menyatakan bahawa secara amnya hubungan kedua-dua negara amat rapat dan mesra (Portal Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, 2012). Isu tarian pendet merupakan salah satu isu yang perlu diketengahkan di tengah pelbagai cabaran hubungan dua negara serumpun pada fasa kebelakangan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa timbulnya isu tarian pendet sedikit sebanyak telah menjejaskan hubungan kebudayaan antara kedua-dua negara.

## **LATAR BELAKANG HUBUNGAN KEBUDAYAAN INDONESIA-MALAYSIA**

Latar belakang hubungan kebudayaan antara Indonesia dengan Malaysia amat berkait rapat dan tidak dapat dipisahkan daripada konsep serumpun. Menurut Liow (2005) wujudnya persamaan antara Indonesia dan Malaysia terutamanya dalam aspek kebudayaan yang amat rapat itulah yang menjadikan kedua-dua negara disebut sebagai serumpun. Keserumpunan tersebut salah satunya

disebabkan oleh berlakunya migrasi dalaman atau *inter-migration* sesama bangsa Melayu sehingga wujud kesamaan sama ada secara adat, kemasyarakatan mahupun keturunan. Kedua-dua masyarakat pula sama-sama bangga dengan kejayaan dan warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka seperti Majapahit, Srivijaya, Melaka dan Pasai (Aceh). Seterusnya, selepas kedatangan penjajah Eropah seperti Portugis, Sepanyol, Belanda dan Inggeris, kawasan ini mula dibahagi-bahagikan mengikut kuasa penjajah. Walau bagaimanapun, pada asasnya hubungan antara masyarakat di sekitar rantau ini sentiasa terjalin malah semakin meningkat (Lili, 2009: 364).

Kedekatan hubungan kebudayaan sememangnya tidak terlepas daripada latar belakang hubungan antara kerajaan-kerajaan yang berkuasa pada masa lampau. Secara spesifik Abdullah Zakaria (2009) menyatakan antara tahun 1400 hingga 1824 berlaku hubungan yang cukup signifikan antara kerajaan-kerajaan di "Nusantara" seperti Melaka-Rokan, Melaka-Inderagiri, Melaka-Kampar, Melaka-Siak, Melaka-Majapahit, Melaka-Pasai, Johor-Aceh, Johor-Jambi, Johor-Sulawesi, Kedah-Pahang-Perak-Aceh serta Johor-Riau-Lingga. Malah apabila melihat nama daripada kerajaan-kerajaan tersebut jelas kelihatan bahawa nama-nama tersebut diwariskan pula di beberapa daerah di Semenanjung Malaysia. Melalui hubungan tersebut, berlakulah pelbagai peristiwa seperti perkahwinan antara Sultan Mansur Melaka dengan Raden Galuh Cendera Kirana dari Majapahit serta hubungan ekonomi serta perselisihan dan peperangan bagi menyelesaikan persoalan agama dan perniagaan (Abdullah Zakaria, 2009). Perkara tersebut tidak menghairankan di mana berlaku hubungan kebudayaan yang amat rapat di antara kedua-dua negara ketika dahulu dan sehingga kini.

Begitu juga selepas kedua-dua negara mencapai kemerdekaan, hubungan kebudayaan sentiasa terjalin erat. Walaupun kedua-dua negara secara politik dipisahkan oleh sempadan negara, namun secara kultural seni budaya seperti joget, ronggeng, zapin, gurindam, nazam, nasyid, qasidah, senandung dan sejenisnya kekal tumbuh berkembang di kedua-dua negara sehingga ke hari ini (Muhammad Takari, 2009: 446). Tambahan lagi, berdasarkan latar belakang sejarah seperti yang disebutkan di atas, hubungan kekerabatan dan darah di antara kedua-dua negara juga amat rapat. Di Pulau Jaring Halus di Sumatera Utara misalnya, majoriti penduduknya berketurunan Kedah. Begitu pula wujud Kampung Johor, Kampung Pahang, Kampung Perlis, Kampung Perak di Sumatera yang membuktikan adanya hubungan darah (Muhammad Takari, 2009: 446). Lagu "Rasa Sayang" pula sudah dikenali di Malaysia semenjak zaman penjajahan lagi. Lagu "Rasa Sayang" diperkenalkan oleh tentera Hindia-Belanda atau *Koninklijk Nederlands Indisch Leger (KNIL)* dari Ambon ketika melakukan perjalanan menuju Aceh. Lagu ini juga dipopularkan oleh kumpulan Sandiwara Dewijah yang dikenali sebagai Ms. Ribut. Para seniman ini seringkali melakukan persembahan di Semenanjung seperti di Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang antara tahun 1936 hingga 1939. Sementara itu, Seni Barong atau di Indonesia dikenali "Reog" dipersembahkan oleh masyarakat asal Ponorogo, Jawa Timur

yang tinggal di sebuah kampung di Johor bernama Kampung Ponorogo (Mohamad Redzuan et al., 2009: xvii).

Pasca-kemerdekaan berlaku berikutan tumbuhnya kesedaran nasionalisme di mana para pendiri negara di rantau ini mula menunjukkan hasrat yang tinggi bagi memajukan identiti Melayu di negara masing-masing. Secara tidak langsung ia telah membangunkan sebuah konsep identiti nasional yang bercorak Melayu mengikut identiti negara masing-masing. Di Indonesia misalnya lahir konsep *Bhineka Tunggal Ika* yang bererti "biar berbeza-beza tetapi tetap satu," dan di Malaysia pula cuba digagas tentang konsep identiti kebangsaan atau Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK). Di Indonesia, perkembangan kebudayaan berteraskan konsep *Bhineka Tunggal Ika* dilihat cukup berjaya dalam membentuk identiti nasional. Sebaliknya pembentukan identiti kebudayaan di Malaysia sedikit tercalar disebabkan kepelbagaian etnik dan berlakunya perkongsian kuasa yang cukup kompleks (Muhammad Takari, 2009: 452). Gagasan DKK pula tidak mudah untuk dijayakan disebabkan ia berdepan dengan pelbagai tentangan terutamanya daripada etnik-etnik bukan Melayu. Hal ini kerana DKK dipandang hanya bertumpu kepada pembangunan kebudayaan etnik Melayu sahaja. Justeru, DKK dilihat bertentangan dengan Rukun Negara yang memandang semua kaum sama rata (Mandal, 2008: 277).

Pada perkembangan seterusnya berhubung dengan identiti nasional maka lahirlah apa yang disebut sebagai kebudayaan nasional. Sebagai perbandingan, perkembangan kebudayaan di Indonesia telah mula digagas pada awal abad ke-20 berikutan munculnya pelbagai organisasi pergerakan kemerdekaan seperti Boedi Oetomo, Partai Nasional Indonesia (PNI), Muhammadiyah, Nahdlatul Ulama (NU) dan lain-lain. Perbincangan mengenai kebudayaan nasional ini tepatnya dilakukan sempena Permusyawaratan Perguruan Taman Siswa di Surakarta tahun 1935. Bahasa Indonesia, yang berasal dari bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi, bahkan sehingga kini menjadi bahasa yang wajib digunakan di perguruan tinggi untuk semua bidang termasuk sains dan matematik. Selain itu, pakaian nasional Indonesia ialah peci (kopiah), batik, kebaya dan baju kurung menjadi sebuah jati diri bangsa Indonesia (Muhammad Takari, 2009: 473–475).

Di Malaysia, gagasan tentang kebudayaan kebangsaan sudah dimulakan pada tahun 1956, tepatnya pada Kongres Kebudayaan Melayu yang dianjurkan pada 30 Disember 1957 hingga 2 Januari 1958 di Melaka. Hasilnya, tertubuhlah Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Bahasa. Walau bagaimanapun, kebudayaan kebangsaan mengalami cabaran dan gesekan sosial yang cukup hebat. Bahasa Melayu kemudiannya menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Namun terjadi pula polemik dan kemudiaannya lebih memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi subjek sains dan matematik. Malah, seiring dengan berkembangnya bahasa Inggeris terdapat kecenderungan munculnya bahasa rojak (bahasa campuran) terutamanya dalam kalangan kaum muda di Malaysia (Muhammad Takari, 2009: 475). Apa yang menarik, pihak

kolonial British telah mewariskan persoalan yang cukup dilematik kerana setiap kumpulan masyarakat di Malaysia mendakwa bahasa mereka juga mempunyai keupayaan untuk menjadi bahasa rasmi. Natijahnya, muncul konsep Sekolah Kebangsaan dan lahirlah sekolah-sekolah berteraskan etnik seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang menggunakan bahasa Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar (Ramli, 2009: 554).

Adapun kerjasama dalam bidang kebudayaan khususnya bidang bahasa semakin kukuh apabila kedua-dua negara menubuhkan Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) pada 29 Disember 1972 di Kuala Lumpur selepas beberapa pertemuan diadakan seperti di Jakarta pada 23 Mei 1972 antara kedua-dua Menteri Pelajaran iaitu Hussein Onn dan Mashuri Saleh serta pertemuan Panitia Ejaan Indonesia/Malaysia pada 20–22 Jun 1972 di Kuala Lumpur. Pertemuan-pertemuan ini diadakan bagi mengembangkan bahasa kebangsaan masing-masing yang meliputi aspek ejaan, istilah dan tatabahasa. Seterusnya, selepas Brunei Darussalam memperoleh kemerdekaan pada tahun 1984, Brunei Darussalam dilantik menjadi anggota baru pada Sidang ke-24 MBIM 8 November 1985 di Jakarta. Selepas tu, tertubuhlah Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia atau MABBIM (Purteri Roslina, 2009: 535). Namun begitu, dalam perkembangan situasi sosial, ekonomi, politik, kebudayaan dan proses masuknya unsur-unsur bahasa asing menyebabkan berlaku perbezaan yang cukup ketara antara bahasa Indonesia dan bahasa Melayu. Perbezaan tersebut dilihat mewujudkan salah faham dalam komunikasi antara penutur dari kedua-dua negara (Novi Kussuji, 2008).

Dalam bidang kebudayaan yang lain misalnya, semenjak dekad 1950-an filem-filem Malaysia amat diminati penonton Indonesia dan poster-posternya dipamerkan hingga berminggu-minggu di pawagam (*bioskop*) di pelusuk Indonesia. Pada masa yang sama, filem-filem Indonesia juga diminati penonton Malaysia dan posternya berada di pawagam seluruh negeri di Malaysia. Pada masa pemerintahan Presiden Suharto, beliau cukup komited dalam menjalinkan hubungan kebudayaan dengan kerajaan Malaysia. Salah satu contoh hubungan yang dijalinkan ialah dengan mewujudkan kerjasama antara Televisi Republik Indonesia (TVRI) dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM 1). Kedua-dua stesen menerbitkan rancangan yang dikenali sebagai "Titian Muhibah" bagi menyiarkan berita berkaitan perkembangan di kedua-dua negara. Namun, hal ini musnah oleh kerana reformasi yang ditunggangi para pihak yang tidak bertanggungjawab (Viddy Daery, 2008).

Pada masa kini, hubungan kebudayaan sedemikian semakin berkembang terutamanya dalam bidang muzik dan filem. Seniman-seniman Malaysia dari dulu sehingga sekarang masih dikenali di Indonesia bermula dari P. Ramlee sehingga artis kontemporari seperti Siti Nurhaliza, Sheila Majid, kumpulan Raihan dan pada ketika ini yang semakin dikenali ramai iaitu kartun Upin dan Ipin (Wawan, 2010: 162). Dalam pada itu, masyarakat Malaysia juga cukup



mengenali beberapa karya sastra Indonesia seperti karya Subagyo Sastrowardoyo, karya dan dunia Chairil Anwar, karya dan dunia Pramudya Ananta Toer serta karya dan dunia Hamka (Ana Nadhya, 2008). Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, lagu dan filem Indonesia juga cukup diminati oleh masyarakat Malaysia. Dalam bidang muzik misalnya antara seniman Indonesia yang terkenal ialah Krisdayanti, Melly Goeslaw, Dewa 19, Peterpan, Ratu hingga Inul Daratista. Adapun dalam bidang filem, antara hasil karya Indonesia yang mendapat sambutan di Malaysia ialah filem-filem yang bertajuk *Ada Apa Dengan Cinta*, *My Heart*, *Kiamat Sudah Dekat*, *Malin Kundang*, *Hikmah*, *Hidayah*, *Mutiara Hati*, *Bawang Merah Bawang Putih* dan lain-lain (Nasrullah, 2009: 481).

Walau bagaimanapun, hubungan kebudayaan antara kedua-dua masyarakat sedikit sebanyak agak terganggu berikutan munculnya pelbagai sentimen hingga menimbulkan perbezaan persepsi dan salah faham. Oleh itu, muncullah istilah-istilah yang mula menggugat hubungan dua hala seperti "Indon" yang dianggap oleh sebahagian pihak di Indonesia sebagai merendahkan martabat masyarakat Indonesia. Namun pada pandangan masyarakat Malaysia, sebutan "Indon" sama sekali tidak bermaksud merendahkan kerana ia hanya untuk memudahkan sebutan (Nasrullah, 2009: 485). Sebaliknya, "Indon" ialah sebutan sayang, malah sebahagian masyarakat Indonesia di Malaysia berasa bangga dengan sebutan tersebut. Hal ini kerana sebutan "Indon" adalah untuk membezakan dengan orang Filipino dari Filipina dan orang Thai atau Siam dari Thailand atau orang Cham dari Kemboja (Viddy Daery, 2008). Sungguhpun demikian, permasalahan ini dapat diselesaikan dengan segera apabila Menteri Penerangan Malaysia Datuk Sri Zainuddin Maidin menyeru warga dan media Malaysia untuk tidak menggunakan perkataan "Indon" yang dinilai menyakiti masyarakat Indonesia (Nasrullah, 2009: 485).

Hubungan kebudayaan di antara Indonesia dengan Malaysia pada asasnya terjalin amat rapat. Hal ini kerana hubungan tersebut telah pun terjalin sebelum kedua-dua negara memperoleh kemerdekaan lagi. Oleh yang demikian adalah wajar apabila adat resam kedua-dua negara mempunyai persamaan dalam pelbagai aspek budaya dan kesenian. Apatah lagi berlakunya migrasi dalaman semenjak zaman monarki yang telah mewariskan satu percampuran dan pertalian kebudayaan dan darah antara kedua-dua negara. Namun dengan semakin terbukanya kebebasan berpendapat dan kemudahan sumber maklumat, hubungan mesra ini sedikit sebanyak agak tergugat berikutan berlakunya salah faham dalam pelbagai isu kebudayaan. Timbulnya kes tarian pendet adalah satu bukti bahawa hubungan serumpun berdepan dengan cabaran yang agak serius. Malah, pelbagai kes yang timbul semenjak era awal kemerdekaan sehingga sekarang sama ada berkaitan dengan isu politik, ekonomi mahupun sosial budaya menunjukkan bahawa hubungan kedua-dua negara serumpun sentiasa diwarnai dengan konflik, persaingan dan ketegangan. Walau bagaimanapun, ia tidak sampai menjejaskan hubungan mesra kedua-dua negara pada tahap yang berbahaya.

## LATAR BELAKANG DAN SENARIO ISU TARIAN PENDET

Isu tarian pendet ini bermula daripada penyiaran sebuah iklan pelancongan 30 saat di saluran *Discovery Networks Asia-Pacific* bertajuk *Enigmatic Malaysia* yang diproduksi oleh KRU Studios pada tahun 2009. Pembuatan video *Enigmatic Malaysia* merupakan bahagian daripada beberapa siri iklan yang dibuat oleh KRU Studios sebagai sebuah pengeluaran bebas dan tidak terkait dengan kerajaan Malaysia (Chong, 2012: 2; *New Straits Times*, 12 September 2009: 5). Menurut keterangan pihak Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) di Kuala Lumpur, apa yang menjadi kontroversi ialah munculnya kepingan-kepingan gambar (*still photo*) tarian pendet dalam video tersebut. Adapun pihak Discovery Channel yang beribu pejabat di Singapura mengambilnya daripada pihak ketiga tanpa kebenaran pihak KRU Studios (KBRI, 2009). Kandungan video berdasarkan tayangan dalam laman Youtube.com di mana video tersebut merupakan iklan program *Enigmatic Malaysia* yang akan disiarkan di saluran Discovery Channel. Video tersebut dimulakan dengan kemunculan gambar bunga Raflesia kemudian diikuti gambar dua orang penari tarian pendet dan seterusnya wayang kulit yang merupakan salah satu produk kebudayaan Indonesia (Anonymonger, 2009). Oleh itu, sejurus selepas timbulnya polemik tarian pendet, pemilik rumah produksi meminta maaf kepada Kementerian Pelancongan Malaysia. Seterusnya, kerajaan Malaysia melalui Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berharap pemerintah Indonesia menerima penjelasan daripada rumah produksi tersebut (*New Straits Times*, 12 September 2009: 5). Menanggapi situasi ini, pemerintah Indonesia melalui juru cakap istana menasihatkan masyarakat Indonesia untuk meneliti terlebih dahulu kes berkenaan dan tidak cepat terprovokasi dengan tayangan iklan tersebut (Kompas.com, 2009).

Tarian pendet sendiri ialah satu tarian tradisional masyarakat Bali yang dipersembahkan ketika majlis peribadatan/sembahyang masyarakat Hindu Bali. Menurut seniman Bali, Kadek Suartaya (2009) tarian pendet diinspirasi daripada sebuah upacara/sembahyang masyarakat Hindu di kuil yang disebut *mamendet* atau *mendet*. Upacara *mendet* berlangsung setelah pendeta membaca manteranya dan selepas persembahan tarian topeng *sidakarya*. Tarian ini dipersembahkan secara berpasangan atau secara beramai-ramai dengan membawakan perlengkapan seperti *sesajen*<sup>1</sup> dan bunga. Semua persembahan ini dilakukan bagi menunjukkan kegembiraan menyambut kedatangan para dewa (Kadek, 2009). Namun, secara berperingkat dan seiring dengan perkembangan zaman, para seniman mengubah tarian pendet menjadi tarian selamat datang untuk menyambut tetamu dan pelancong, tetapi masih mengandungi unsur-unsur kesucian-keagamaan (Agus, 2012).

Menurut sebahagian pihak di Indonesia pelbagai bantahan yang dilakukan dalam isu tarian pendet adalah wajar. Hal ini kerana kejadian mendakwa produk budaya Indonesia oleh Malaysia telah berlaku berulang kali. Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia mendakwa bahawa

sepanjang tempoh 2007–2012, Malaysia telah melakukan sekurang-kurangnya tujuh kali tindakan mendakwa produk budaya Indonesia antaranya tarian reog, Lagu Rasa Sayang, batik, tarian pendet, alat muzik angklung, beras padi adan krayan dan tarian tor-tor (*The Jakarta Post*, 2012). Adapun Ludiro Madu (2012) mendakwa bahawa dari tahun 2000 sehingga tahun 2009 Malaysia telah melakukan tindakan mendakwa lebih kurang 20 kali ke atas produk budaya Indonesia. Antara produk budaya tersebut ialah alat muzik gamelan dari Jawa, wayang kulit dari Jawa, tarian kuda lumping dari Jawa, Lagu Injit-Injit Semut dari Jambi, Lagu Kakak Tua dari Maluku, Lagu Anak Kambing Saya dari Nusa Tenggara Timur, rendang dari Padang dan sebagainya (Ludiro, 2012). Menurut Abubakar (2008) tindakan mendakwa produk budaya tersebut merupakan usaha untuk memperkasakan identiti pelancongan Malaysia sebagai *New Asia*. Konsep *New Asia* sendiri secara mudah boleh dijumpai dalam khazanah budaya tempatan di Malaysia yang dinilai tidak bertuan dan transnasional sifatnya, sukar untuk diketahui asal usulnya dan telah menjadi budaya masyarakat (Abubakar, 2008: 23).

Sementara itu, berikutan panasnya isu tarian pendet, pelbagai aksi bantahan dilakukan di beberapa tempat di Indonesia. Antara aksi melampau yang dilakukan sebahagian masyarakat Indonesia ialah pembakaran bendera Malaysia (Jalur Gemilang) disertai dengan slogan "Ganyang Malaysia." Timbulnya pelbagai aksi tersebut bermula pada Hari Kemerdekaan Malaysia 31 Ogos 2009 di mana lebih kurang 100 laman web kerajaan Malaysia digodam para penggadam-penggadam Indonesia (Farish, 2009). Seterusnya, slogan "Ganyang Malaysia" sentiasa menghiasi tunjuk perasaan di depan Kedutaan Malaysia di Jakarta setiap hari. Pelbagai tunjuk perasaan dilakukan diikuti pula dengan aksi membaling najis dan telur busuk. Para mahasiswa dari pelbagai universiti di seluruh Indonesia juga tidak ketinggalan melakukan aksi membakar bendera dan meneriakkan slogan-slogan berbau anti-Malaysia (Chong, 2012: 3). Namun daripada pelbagai aksi tersebut bantahan yang dilakukan organisasi bukan kerajaan atau *non-governmental organization* (NGO) di Jakarta dilihat paling melampau.

Antara NGO yang dilihat "merosak" keharmonian hubungan antara masyarakat Indonesia-Malaysia ialah Benteng Demokrasi Rakyat (BENDERA), Barisan Muda Betawi, Relawan Ganyang Malaysia dan Relawan Pembela Demokrasi (Repdem). Tindakan NGO tersebut dilihat semakin membimbangkan apabila melakukan aksi penyapuan warga Malaysia di Jakarta. Menurut Farish Noor (2009) berlakunya aksi-aksi melampau tersebut mengingatkan kembali tentang gejala gengster yang dibiayai oleh pemerintah Suharto pada zaman Orde Baru. Pada zaman Orde Baru wujud pelbagai organisasi gengster seperti Rakyat Terlatih (Ratih) dan Pasukan Pengamanan Masyarakat Swakarsa (Pam Swaraksa) yang dilatih, dibiayai dan diarahkan oleh para jeneral kanan seperti Jeneral Benny Moerdani. Adapun persamaan NGO dalam isu tarian pendet dengan zaman Orde Baru ialah NGO tersebut dilihat hanya menjadi fokus perhatian satu pihak sahaja

iaitu *Metro TV*. Hal ini menunjukkan seolah-olah NGO tersebut mendapat sokongan penuh dan mewakili masyarakat Indonesia. Justeru di kawasan luar Jakarta, NGO tersebut dilihat kurang mendapat sambutan kerana di sekitar bandar di luar Jakarta, tidak wujud NGO berkenaan (Farish, 2009).

Situasi ini semakin meruncing apabila pelbagai NGO terutamanya BENDERA "mengobarkan" perang melawan Malaysia. Penyelaras BENDERA Mustar Bonaventura mendakwa bahawa organisasi ini telah merekrut lebih kurang 1,500 sukarelawan yang disediakan bagi melakukan "perang" melawan Malaysia. Selain dibekalkan ilmu kebal, para relawan BENDERA juga dibekalkan dengan pelbagai keperluan seperti ubat-ubatan, bekal makanan dan pelbagai senjata termasuk Pedang Samurai dan *Hira-shuriken* atau Bintang Ninja (Chong, 2012: 3). BENDERA juga mendakwa bahawa para sukarelawan telah bersedia setiap masa untuk berperang dengan Malaysia. Malah, para sukarelawan juga mendakwa bahawa mereka akan berangkat ke Malaysia secara sukarela walaupun perjalanan yang dilakukan di atas pembiayaan sendiri (Chong, 2012: 24). Isu "pencerobohan" ke atas Malaysia semakin serius apabila organisasi BENDERA menyatakan akan menghantar para sukarelawan dengan kadar segera ke Malaysia dengan menggunakan kapal laut dan pelbagai pengangkutan lain. Para sukarelawan BENDERA akan bertolak dari bandar utama seperti Surabaya, bandar di Kalimantan Selatan dan bandar di pelbagai daerah lainnya (*New Straits Times*, 7 October 2009: 7).

Di Malaysia, isu persengketaan tarian pendet terutamanya berkaitan aksi melampau organisasi BENDERA cukup mendapat perhatian daripada masyarakat dan kerajaan Malaysia. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) daripada 18 universiti tempatan misalnya berasa kecewa dengan ketegangan antara kedua-dua negara berikutan isu tarian pendet. Perwakilan beberapa MPP menggesa kedua-dua belah pihak untuk segera melakukan rundingan dalam usaha menyelesaikan ketegangan. Selain itu, para mahasiswa juga menghantar memorandum yang berisi enam tuntutan dan rekomendasi bagi menyelesaikan permasalahan tersebut. Di samping itu, mereka juga menggesa supaya media di Indonesia menghentikan provokasi dan menyiarkan berita yang objektif (*Malay Mail*, 15 September 2009: 4). Situasi sebaliknya berlaku kepada Menteri Luar Malaysia, Datuk Anifah Aman yang menanganinya dengan tenang. Beliau memberi jaminan bahawa aksi-aksi melampau hanya dilakukan oleh sebahagian kecil kelompok sahaja dan tidak mewakili masyarakat Indonesia (*New Straits Times*, 22 September 2009: 10).

Sebahagian pihak di Malaysia cukup menyesali kejadian melampau di Jakarta kerana sebagai negara serumpun perkara tersebut tidak sepatutnya berlaku. Datuk Seri Dr. Rais Yatim yang pernah menghabiskan masa kecilnya di Sawahlunto, Sumatera Barat menyatakan bahawa ramai masyarakat Malaysia yang berketurunan Aceh, Sumatera Barat, Mandailing, Riau, Jambi, Palembang, Jawa dan Bugis. Oleh sebab itu, beliau berpandangan bahawa tidak salah apabila masyarakat Malaysia cuba "melestarikan" kebudayaan Indonesia dan sama sekali

tidak pernah mendakwa ia adalah kebudayaan Malaysia (*ANTARA News*, 2009). Walau bagaimanapun, permohonan maaf dan penjelasan yang dilakukan oleh rumah produksi dan Discovery Networks Asia-Pacific bahawa isu tarian pendet tidak berkaitan dengan kerajaan Malaysia, gagal untuk memuaskan hati masyarakat Indonesia. Menurut sebahagian pihak di Malaysia pada asasnya masyarakat Malaysia dapat melakukan tindak balas dengan melakukan tindakan yang sama ke atas Indonesia. Namun, sebagai masyarakat yang bertamadun masyarakat Malaysia mesti memilih cara-cara yang berhemah dan mengelakkan daripada melakukan keganasan. Apa yang pasti pada pandangan sebahagian pihak di Indonesia, Malaysia sudah melakukan satu tindakan yang cukup menyinggung perasaan masyarakat Indonesia melalui isu tarian pendet. Walaupun Datuk Seri Dr. Rais Yatim berpendapat perkara tersebut sebagai bentuk "melestarikan" namun fakta menunjukkan bahawa tindakan sebahagian pihak di Malaysia terutamanya KRU Studio merupakan satu kesalahan. Justeru kerajaan Malaysia perlu melakukan penyeliaan secara lebih serius terhadap rumah-rumah produksi agar kejadian serupa tidak berulang.

Sungguhpun demikian, pihak Istana Presiden melalui juru cakap Presiden Andi Mallarangeng menyesali aksi penyapuan terhadap warga Malaysia di Indonesia. Selain itu, Andi juga menasihatkan orang ramai agar menyampaikan aspirasinya dalam batas yang sewajarnya dan bukan dengan tindakan kekerasan (Sekretariat Negara Republik Indonesia, 2009). Sementara itu Kementerian Luar Indonesia menyatakan keprihatinan dan jaminan keselamatan warga Malaysia di Indonesia (*Koran Jakarta*, 2009). Pada pandangan Kementerian Luar Indonesia tindakan penyapuan bukan sahaja mengganggu ketenteraman awam, malah merosak imej Indonesia di mata masyarakat antarabangsa (*Malay Mail*, 10 September 2009: 2). Hal ini juga disokong oleh pakar kajian Malaysia daripada Universiti Indonesia, Jakarta yang menyatakan bahawa penyapuan tidak akan menyelesaikan masalah, dan bagaimana pula jika Malaysia juga membalas dengan melakukan penyapuan terhadap warga Indonesia di Malaysia (*Koran Jakarta*, 2009).

Selain itu, Presiden Susilo Bambang Yudhoyono sendiri juga menyatakan perlunya menjaga hubungan mesra antara kedua-dua negara dan berharap kerajaan Malaysia menjaga sensitiviti masyarakat Indonesia agar kejadian serupa tidak berulang kembali. Oleh itu, Presiden Susilo Bambang Yudhoyono memberikan kepercayaan penuh kepada kumpulan tokoh terkemuka Indonesia dan Malaysia atau *Eminent Persons Group* (EPG)<sup>2</sup> bagi menyelesaikan permasalahan antara kedua-dua negara (Sekretariat Negara Republik Indonesia, 2009). Menurut Presiden Susilo Bambang Yudhoyono, EPG merupakan gagasan beliau yang dipersetujui oleh kerajaan Malaysia bagi menyelesaikan pelbagai permasalahan antara kedua-dua negara seperti menguruskan permasalahan, persengketaan di antara kedua-dua negara, termasuk isu-isu tentang hak cipta ataupun produk kebudayaan dan produk peradaban/tamadun di antara kedua-dua negara (Sekretariat Negara Republik Indonesia, 2009). Adapun salah seorang ahli

EPG dari Indonesia, Try Sutrisno menyatakan bahawa "kerjasama di bidang pelancongan antara Indonesia dan Malaysia kurang erat sehingga masih menimbulkan pelbagai polemik yang berkaitan dengan kebudayaan antara kedua-dua negara, seperti kes Tarian Pendet" (*Koran Jakarta*, 2009).

Pihak keselamatan Indonesia juga menjamin dan menunjukkan kesediaannya berhubung kebimbangan kerajaan Malaysia ke atas keselamatan masyarakatnya. Hasilnya, Kepolisian Republik Indonesia (POLRI) berjaya menghentikan aksi-aksi penyapuan yang dilakukan oleh lebih kurang 40 aktivis BENDERA. Para aktivis BENDERA berupaya menahan dan meminta pejalan kaki, penunggang motosikal dan pemandu dan penumpang kereta untuk mempamerkan kad pengenalan dan pasport mereka. Selain itu, POLRI juga menangkap enam ahli organisasi BENDERA yang bertanggungjawab di atas tindakan melampau tersebut (*New Straits Times*, 10 September 2009). Pada realitinya aksi penyapuan yang dilakukan BENDERA hanya bertumpu di Jalan Diponegoro, Jakarta Pusat (*VIVANEWS*, 2009c). Justeru Menteri Pengajian Tinggi Malaysia Datuk Seri Khaled Nordin telah menasihatkan para pelajar Malaysia untuk tidak melakukan tindakan provokasi dan mengelakkan diri daripada melalui kawasan Jalan Diponegoro Jakarta Pusat (*Malay Mail*, 11 September 2009: 5). Walau bagaimanapun, tidak wujud sebarang kes sama ada kecederaan atau kematian yang melibatkan warga Malaysia di Indonesia. Hal ini kerana tindakan BENDERA sendiri pada asasnya tidak mendapat sambutan daripada sebahagian masyarakat Indonesia dan hanya bertumpu di Jakarta disebabkan organisasi ini tidak wujud di luar bandar raya Jakarta (Farish, 2009). Selain itu, sikap tegas anggota keselamatan Indonesia sememangnya mampu mengawal dan mengelak daripada berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini.

Bagi meredakan ketegangan dalam isu tarian pendet, kedua-dua negara menyusun beberapa agenda perbincangan. Pada 17 September 2009, Menteri Luar Malaysia Datuk Anifah Aman melakukan perjumpaan dengan Menteri Luar Indonesia di Jakarta. Seterusnya, pada 11 November 2009, Presiden Susilo Bambang Yudhoyono melakukan lawatan rasmi pertama ke Malaysia selepas dilantik sebagai Presiden Indonesia bagi penggal kedua. Sehubungan dengan itu, Najib Razak menegaskan bahawa Malaysia dan Indonesia tidak akan membiarkan isu-isu kecil yang dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu. Oleh kerana itu, kedua-dua belah pihak bersepakat untuk memperkukuh kerjasama dua hala yang sudah terjalin (*Bernama*, 2009).

## **TARIAN PENDET DAN ISU POLITIK DALAMAN**

Isu tarian pendet berlaku di penghujung bulan Ogos 2009 sehingga Oktober 2009. Pada masa yang sama, tempoh tersebut bertindih dengan percaturan politik di Indonesia. Justeru isu tarian pendet harus dikaji dalam konteks senario kritikal menjelang keputusan Pemilihan Umum Presiden dan Wakil (Timbalan) Presiden

Republik Indonesia Tahun 2009 (Pilpres 2009) oleh suruhanjaya pilihan raya atau Komisi Pemilihan Umum (KPU). Senario politik ini bermula ketika KPU telah menetapkan Susilo Bambang Yudhoyono-Boediono sebagai pemenang Pilihan Raya Presiden pada 24 Julai 2009. Berdasarkan pengiraan undi rasmi yang dilakukan oleh KPU, Susilo Bambang Yudhoyono-Boediono berjaya memperoleh 60.80% undi disusuli oleh calon Megawati-Prabowo dengan 26.79% undi dan calon Jusuf Kalla-Wiranto yang hanya memperoleh 12.41% daripada jumlah undi keseluruhan di seluruh wilayah Indonesia (Komisi Pemilihan Umum, 2009).

Keputusan KPU tersebut tidak secara automatik menjadikan Susilo Bambang Yudhoyono-Boediono sebagai Presiden Indonesia terpilih. Hal ini kerana kedua-dua calon presiden iaitu Jusuf Kalla-Wiranto dan Megawati-Prabowo mempolemikkan hasil undi Pilpres 2009. Menurut kedua-dua calon wujud ketidakadilan dan kejanggalan dalam pilihan raya yang baru sahaja diadakan. Oleh kerana itu, kedua-dua calon membawa kes berkaitan ke Mahkamah Konstitusi di Jakarta. Adapun secara lebih terperinci beberapa permasalahan yang menjadi keberatan kedua-dua pemohon ialah:

1. Permasalahan penyusunan dan penetapan Daftar Pemilih (pengundi) Tetap (DPT);
2. *Regrouping* dan/atau pengurangan jumlah tempat mengundi atau Tempat Pemungutan Suara (TPS);
3. Dakwaan adanya kerjasama atau bantuan daripada *International Foundation for Electoral Systems* (IFES) yang dinilai sebagai campur tangan pihak asing;
4. Adanya sepanduk (*banner*) buatan pihak yang didakwa (Responden) mengenai tata cara pengundian;
5. Penedaran borang haram model "C-1 PPWP";
6. Adanya pelbagai pelanggaran peraturan pilihan raya sama ada yang bersifat pentadbiran mahupun jenayah;
7. Dakwaan adanya penambahan perolehan undi Pihak Terkait dan mengenai adanya pengurangan undi sama ada bagi Pemohon I mahupun Pemohon II.

Sumber: Terjemahan dari Risalah Sidang Perkara No. 108/PHPU.B-VII/2009 dan 109/PHPU.B-VII/2009 (Mahkamah Konstitusi Republik Indonesia, 2009).

Hasilnya, selepas lebih kurang empat kali perbicaraan kes di Mahkamah Konstitusi, hakim menyimpulkan bahawa dakwaan Pemohon I dan Pemohon II terhadap responden tidak terbukti. Secara spesifik Mahkamah Konstitusi memberikan keputusannya sebagai mana berikut:

Meskipun terbukti dalam persidangan, namun ia tidak atau belum dapat dinilai sebagai pelanggaran yang bersifat berstruktur, sistematik, dan besar-besaran (*massive*), sehingga juga tidak menyebabkan Pilihan Raya Presiden tidak sah.

Adapun dakwaan mengenai adanya penambahan perolehan undi Pihak Terkait (Responden) dan mengenai adanya dakwaan pengurangan undi sama ada oleh Pemohon I maupun Pemohon II tidak terbukti secara hukum (Mahkamah Konstitusi Republik Indonesia, 2009: 50).

Oleh itu, pada 18 Ogos 2009 Mahkamah Konstitusi memutuskan bahawa Susilo Bambang Yudhoyono-Boediono sebagai pemenang Pilihan Raya Presiden dan baru dilantik pada 20 Oktober 2009. Walau bagaimanapun, suhu politik selepas Pilihan Raya Presiden 2009 dan keputusan Mahkamah Konstitusi dapat dikatakan masih lagi panas. Selain itu, sentimen dan sikap pragmatik pula turut mencorakkan tingkah laku para elit politik termasuklah parti-parti yang bertanding. Pilihan untuk bergabung atau membangkang terhadap pemerintah menjadi keputusan yang ditunggu-tunggu oleh banyak pihak. Berkaitan dengan keputusan Mahkamah Konstitusi, calon-calon yang bertanding pula saling memberikan pelbagai reaksi. Jusuf Kalla misalnya cenderung menerima keputusan Mahkamah Konstitusi dan terus menyampaikan tahniah di atas kemenangan Susilo Bambang Yudhoyono. Adapun Megawati tetap mencatatkan beberapa perkara yang akan sentiasa diingat sebagai suatu "yang bertentangan" dengan proses demokrasi. Perkara penting yang dimaksudkan Megawati tersebut tidak lain adalah berkaitan dengan permasalahan yang menjadi keberatan selama proses membicarakan kes di mahkamah. Secara spesifik perkara tersebut ialah menghapuskan sebahagian hak warga negara dalam DPT, pengurangan lebih dari 69.500 TPS, wujud kecurangan yang dilakukan secara *massive* dan sistematik, adanya keterlibatan kerajaan di pelbagai tingkatan, dan keterlibatan asing dalam proses pengiraan undi (Laurencius Simanjuntak, 2009a).

Reaksi Megawati sememangnya cenderung menolak keputusan Mahkamah Konstitusi. Malah, Megawati dan Parti Demokrasi Indonesia-Perjuangan (PDI-P) mempunyai penyokong fanatik dan mendapat sokongan penuh daripada penyokongnya selama proses perbicaraan persengketaan Pilihan Raya Presiden 2009 di mahkamah. Salah satu penyokong fanatik tersebut ialah organisasi BENDERA. BENDERA yang berhaluan radikal cenderung tidak menerima keputusan Mahkamah Konstitusi. Megawati pula pada dasarnya juga berterima kasih ke atas sokongan yang diberikan BENDERA. Tidak menghairankan apabila selepas keputusan Mahkamah Konstitusi, Megawati berupaya untuk mengawal kemarahan para aktivis BENDERA. Kepada para aktivis BENDERA Megawati menyatakan:

Apapun, saya meminta warga saya dan pengundi untuk segera pulang, tunggulah apa yang akan kita lakukan. Kami menghendaki pengundi PDI-P dan Gerindra tetap semangat, tidak melakukan tindak kekerasan [...] Kalau melakukan kekerasan saya berasa kecewa (Laurencius Simanjuntak, 2009b).



Dalam pada itu, pasangan Megawati, Prabowo juga turut serta mengawal amarah para aktivis BENDERA dengan menyatakan:

Apapun keputusannya kita perlu menghormati sistem undang-undang negara kita. Kita akan mempelajari langkah-langkah yang kita ambil. Apapun sikap kita, kita harus taat pada undang-undang yang berlaku. Tidak ada kekerasan, jangan mudah diperalat pihak-pihak yang ingin mengadu domba. Kita akan perjuangkan demokrasi, kedaulatan bangsa dan negara (Laurencius Simanjuntak, 2009b).

Para aktivis BENDERA juga tidak jemu menggesa supaya Parti PDI-P yang dipimpin Megawati memilih untuk membangkang pemerintahan Susilo Bambang Yudhoyono. Malah, sambil meneriakkan slogan "menjadi pembangkang adalah muktamad" para aktivis BENDERA mengancam akan melakukan tunjuk perasaan yang lebih besar dan tidak akan berhenti sehingga Megawati menyatakan sebagai pembangkang Presiden Susilo Bambang Yudhoyono (Laurencius Simanjuntak, 2009b). Walaupun Megawati menunjukkan sikap membangkang kepada pemerintahan Susilo Bambang Yudhoyono, namun sikap pragmatik pada akhirnya muncul dalam senario politik selepas Pilihan Raya Presiden 2009. Beberapa elit Parti PDI-P berusaha untuk "mendekati" pemerintahan Susilo Bambang Yudhoyono, namun usaha tersebut mendapat bantahan hebat daripada Megawati. Hasilnya, dalam susunan kabinet Susilo Bambang Yudhoyono yang baru, semua parti menghantar wakilnya ke kabinet kecuali tiga parti iaitu Parti PDI-P, Parti Hanura dan Parti Gerindra (Aspinall, 2010: 110). Sungguhpun demikian, usaha Susilo Bambang Yudhoyono "menarik" PDI-P ke pemerintahan pada akhirnya berjaya apabila hasil daripada lobi-melobi parti-parti besar seperti Parti Demokrat, PDI-P, Parti Golongan Karya (GOLKAR), Parti Persatuan Pembangunan (PPP), Parti Kebangkitan Bangsa (PKB), Parti Amanat Nasional (PAN) dan Dewan Perwakilan Daerah (DPD) dengan jayanya menghantar suami kepada Megawati iaitu Taufiq Kiemas ke tampuk pimpinan Majelis Permesyuaratan Rakyat (MPR) (VIVANEWS, 2009a). Namun Presiden Susilo Bambang Yudhoyono juga berdepan dengan cabaran politik iaitu mesti mempertahankan kuasa politik 75.6% di parlimen dan bersiap sedia memperoleh perlawanan daripada parti-parti di luar pemerintah yang mempunyai kuasa 24% di parlimen (Maswadi, 2009). Dengan situasi politik yang semakin terbuka maka suara parti-parti pembangkang cukup berpotensi untuk "menggangu" perjalanan politik Presiden Susilo Bambang Yudhoyono. Sikap keras Parti PDI-P dan penyokong fanatiknya BENDERA dalam kes tarian pendet menunjukkan bahawa kelompok pembangkang menjadi cabaran tersendiri pemerintahan baru Presiden Susilo Bambang Yudhoyono.

Dalam konteks ini wujud hubungan yang agak rapat antara pergolakan politik selepas Pilihan Raya Presiden 2009 dengan isu tarian pendet. Di tengah

polemik hasil undi Pilihan Raya Presiden 2009 di antara para calon yang bertanding sememangnya cukup panas. Susilo Bambang Yudhoyono yang masih lagi menyandang jawatan presiden berasa "di atas angin" berikutan pengiraan undi sementara yang meletakkan beliau sebagai majoriti mengungguli calon-calon lain. Pada masa yang sama, calon-calon lain juga meletakkan harapan tinggi kepada Mahkamah Konstitusi bahawa keputusan Pilihan Raya Presiden 2009 boleh berubah dan kemenangan berpihak kepada mereka. Malangnya isu tarian pendet timbul di tengah-tengah gejolak politik Indonesia yang sedang panas. Bagi ahli-ahli politik di Indonesia apa jua isu boleh "dimanfaatkan" dalam usaha mengubah senario politik dalaman termasuk isu tarian pendet. Isu tarian pendet dilihat menjadi pertarungan kredibiliti para calon sama ada golongan kaum nasionalis atau tidak. Sudah semestinya, Susilo Bambang Yudhoyono adalah pihak yang paling tercabar kerana beliau "tidak tegas" dan dipandang kurang patriotik. Justeru Megawati sebagai pencabar kuat kepada Susilo Bambang Yudhoyono dalam Pilihan Raya Presiden 2009 dan organisasi BENDERA yang dikenali "anti-Malaysia" seolah-olah hendak menguji sejauh mana nasionalisme dan kredibiliti Susilo Bambang Yudhoyono dalam berdepan dengan Malaysia khususnya isu tarian pendet. Organisasi BENDERA sememangnya cenderung mengambil pendekatan kekerasan kerana karakternya yang sudah dikenali oleh masyarakat Indonesia sebagai organisasi kiri dan radikal. Pelbagai usaha dilakukan untuk melemahkan dan melawan sikap politik Susilo Bambang Yudhoyono yang dinilai cukup "lemah" termasuk dalam berdepan dengan Malaysia. Oleh itu tidak menghairankan apabila BENDERA mendakwa Susilo Bambang Yudhoyono sebagai ejen asing. Berhubung tindakan Malaysia yang mendakwa tarian pendet, organisasi BENDERA misalnya dengan tegas menyatakan "akan mengambil sikap sesuai dengan caranya sendiri" dan apabila dilarang maka pemerintah Indonesia (Susilo Bambang Yudhoyono) boleh dianggap sebagai bahagian ejen asing. Menurut penyelaras BENDERA Mustar Bonaventura, organisasi ini sememangnya ditubuhkan sebagai bentuk keresahan terhadap situasi semasa di Indonesia terutamanya berkaitan isu campur tangan asing dalam Pilihan Raya Presiden 2009 sehingga isu pendakwaan tarian pendet oleh Malaysia (*Waspada Online*, 2009 ).

Dalam konteks politik Malaysia, Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU12) boleh dianggap antara yang paling bergolak. Namun begitu, situasi politik dalaman di Malaysia secara relatifnya lebih stabil berbanding dengan Indonesia dalam pasca Dato' Sri Najib Razak dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru. Apa yang dilihat sebagai ketidakstabilan zaman pemerintahan Abdullah Badawi selepas jatuhnya lima negeri iaitu Selangor, Perak, Kelantan, Kedah dan Pulau Pinang sudah dikurangkan oleh Najib, meski masih wujud unsur-unsur gejala kerekahan politik yang masih berterusan. Selain itu, untuk pertama kalinya parti-parti pembangkang bergabung dalam satu pakatan menentang Barisan Nasional (BN) yang menggugat *status quo* di pentas politik Malaysia. Justeru di persada situasi yang demikian, BN serta parti-parti

komponen juga diserang hebat secara serentak oleh unsur-unsur dalaman parti sendiri terutamanya "golongan teras." Namun sejumlah masyarakat masih mahukan jenama kestabilan BN. Sungguhpun demikian, muncul pula sebahagian golongan muda yang mula menarik simpati dan cenderung kepada pakatan pembangkang. Di samping itu, wujud pula kuasa-kuasa di luar parti politik dan NGO yang semakin berani menyuarakan aspirasi secara agak radikal seperti Hindu Rights Action Force (HINDRAF), Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) dan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH). Etnik Melayu pula mendapat cabaran cukup hebat apabila timbul isu kalimah "Allah" yang cukup menggugat dan menimbulkan polarisasi politik dalam kalangan masyarakat Malaysia. Walau bagaimanapun, apabila Najib Razak dilantik selepas PRU12, momentum serangan pembangkang diperlahankan, jika tidak dipatahkan. Hal ini dapat dibuktikan dalam beberapa pilihan raya kecil yang dimenangi oleh BN sekali gus menahan ombak pembangkang sebelum PRU13. Semua ini membentuk suatu iklim politik yang sudah cukup panas dan cenderung bertumpu kepada politik dan agenda tempatan. Lantaran itu, isu-isu yang bersifat merentasi sempadan seperti tarian pendet jauh dari lensa politik tempatan dan hanya menjadi sorotan media arus perdana sahaja.

Najib Razak yang baru sahaja memperkenalkan konsep "1Malaysia", terus berusaha untuk memperkuatkan kembali kuasa politiknya terutamanya pengundi bukan Melayu (Ahmad Fauzi, 2010: 169; Norhayati, 2008). Walaupun konsep "1Malaysia" bertujuan untuk mendapatkan kembali simpati pengundi bukan Melayu, namun Najib Razak sentiasa menegaskan bahawa konsep "1Malaysia" berteraskan ajaran Islam (Ahmad Fauzi, 2010: 169). Bagi meyakinkan bahawa "1Malaysia" adalah berteraskan ajaran Islam, Najib Razak dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu 2009 misalnya mengutip ayat al-Qur'an dan nasihat Saidina Ali bin Abi Thalib. Najib Razak mengutip ayat al-Qur'an Surah As-Saff ayat yang ke-4 yang bermaksud "Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berjuang di jalan-Nya, dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka seperti satu *bun-ya-nun-marsus* yakni bangunan yang tersusun kukuh." Seterusnya Najib Razak juga mengutip nasihat daripada Ali bin Abi Thalib yang menyatakan bahawa "Sesuatu yang benar dan hak namun tidak tersusun akan dikalahkan oleh yang batil dan salah, tetapi diatur dengan tersusun" (*Utusan Online*, 2009). Apa yang diucapkan oleh Najib Razak jelas menunjukkan bahawa beliau mahu menegaskan konsep "1Malaysia" sememangnya sejajar dengan ajaran Islam.

Dalam konteks ini, isu tarian pendet dilihat tidak berkaitan atau jauh relevannya dengan senario dan hal ehwal politik dalaman Malaysia. Isu tarian pendet pula cenderung terhadap dan hanya simbolik sifatnya. Hal ini berbeza dengan isu-isu yang mampu memberikan kesan langsung kepada situasi sosioekonomi dan politik di Malaysia misalnya isu Tenaga Kerja Indonesia (TKI) khususnya sektor pembantu rumah. Isu tuntutan kenaikan gaji pembantu rumah dari Indonesia dilihat memberikan impak kepada seluruh masyarakat Malaysia

melintasi kaum. Isu kenaikan gaji ini menjadi topik hangat di Malaysia apabila ia dilihat semakin membebani masyarakat dengan kos hidup yang tinggi terutamanya di kawasan bandar. Natiyahnya, masyarakat Malaysia perlu mencari alternatif pembantu rumah selain dari Indonesia yang semakin mahal. Dengan demikian tampak bahawa isu tarian pendet pada asasnya secara sosioekonomi dan politik tidak berkaitan dan memberi kesan kepada situasi dalaman di Malaysia. Fenomena serupa juga berlaku ketika timbul isu-isu yang bersifat konflik kebudayaan seperti isu tarian tor-tor beberapa waktu lalu yang tidak berkaitan mahupun memberi impak kepada politik dalaman Malaysia. Walau bagaimanapun, isu tarian tor-tor sedikit sebanyak mendapat perhatian di Malaysia.

Dalam hal ini, kuasa politik kerajaan Malaysia di bawah United Malays National Organisation (UMNO) dan BN secara relatifnya masih kukuh. Persaingan politik antara kerajaan dan pembangkang berhubung gagasan "1Malaysia" tidak sampai menghapuskan kuasa politik UMNO dan BN. Walau bagaimanapun beberapa isu cuba ditimbulkan oleh kelompok pembangkang serta kelompok yang tidak berpuas hati dengan kerajaan BN selepas PRU12. BN yang telah kehilangan majoriti dua pertiga untuk pertama kalinya dalam sejarah pilihan raya di Malaysia dilihat cukup tertekan. Dua jenis bantahan yang cukup berkesan dalam mempengaruhi pandangan politik orang ramai selepas PRU12 ialah perhimpunan dan menerusi laman blog. Sejurus selepas PRU12 beberapa siri tunjuk perasaan diadakan terutamanya oleh penyokong-penyokong Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) serta kalangan menengah daripada pelbagai kaum. Selain itu, timbul pula bantahan yang dilakukan oleh kelompok pembangkang di bawah payung sebuah NGO iaitu BERSIH. Isu utama BERSIH ialah tuntutan berkaitan pelaksanaan amalan demokrasi di Malaysia terutamanya dalam pelaksanaan pilihan raya yang adil dan bebas termasuk isu kebebasan media, ketirisan, salah guna kuasa, rasuah dan ketidakadilan sosial. Kelompok HINDRAF pula menuntut kerajaan untuk lebih memperhatikan kaum India luar bandar yang dilihat terpinggir sama ada dari segi ekonomi mahupun politik. Begitu pula munculnya para *blogger* dilihat turut mempengaruhi perubahan corak pemikiran politik terutamanya dalam kalangan ekonomi menengah atas. Daripada perspektif-perspektif media alternatif inilah idea-idea para *blogger* dilihat mampu memprovokasi golongan menengah terpelajar secara signifikan (Chin dan Wong, 2009: 78–81). Dalam satu kajian misalnya didapati bahawa majoriti pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi (IPT) di Pahang menganggap bahawa masyarakat mahukan perubahan. Oleh kerana itu, sebahagian besar pengundi muda membuang undinya kepada parti pembangkang. Malah, terdapat 19% daripada mereka menyatakan juga bahawa sesiapa sahaja layak untuk menjadi Perdana Menteri, tanpa mengira bangsa (Mohd Nasir, 2008: 437).

Sesungguhnya, isu tarian pendet yang berpunca daripada penayangan iklan oleh sebuah rumah produksi dilihat tidak berhubung kait langsung dengan

kuasa politik kerajaan BN. Walaupun timbulnya isu tarian pendet sedikit sebanyak mendapat perhatian masyarakat Malaysia, namun ia tidak sampai menjejaskan kuasa politik pemerintahan BN. Sebaliknya, senario politik di Indonesia dilihat cukup kompleks selepas Pilihan Raya Presiden 2009 berikutan persengketaan hasil undi di antara calon yang bertanding. Situasi politik yang cukup terbuka di Indonesia di tengah-tengah persengketaan Pilihan Raya Presiden 2009 menjadikan beberapa isu turut dibawa ke wilayah politik termasuk isu tarian pendet. Calon Presiden Megawati dan Parti PDI-P yang mempunyai penyokong fanatik dan patriotik seperti BENDERA tampak semakin merumitkan isu tarian pendet. Semangat radikal organisasi BENDERA tetap berterusan meskipun pelbagai penjelasan telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia dan beberapa pihak di Indonesia.

Reaksi yang berbeza ke atas isu tarian pendet antara kedua-dua negara menunjukkan satu perbezaan yang fundamental. Perbezaan amalan dan budaya politik antara kedua-dua negara dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi timbulnya respon yang berbeza antara kedua-dua belah pihak. Indonesia yang telah mengamalkan demokrasi liberal selepas reformasi tahun 1998 cenderung memberikan kebebasan kepada seluruh masyarakatnya untuk melontarkan pendapat meskipun bersifat radikal. Tambahan lagi, dengan sokongan kebebasan media menyebabkan isu-isu seperti tarian pendet dengan mudah boleh memprovokasi orang ramai walaupun ia hanya terhad di kawasan Jakarta dan laman-laman sosial. Sudah semestinya perkara sebegini turut mempengaruhi timbulnya persepsi negatif yang cenderung meningkat dalam kalangan masyarakat Indonesia ke atas negara Malaysia. Natiujahnya, isu-isu berkaitan pendakwaan produk budaya Indonesia semakin mendapat perhatian masyarakat Indonesia. Oleh kerana itu, tidak menghairankan apabila 93% responden dalam sebuah kaji selidik di Indonesia menyatakan bantahan ke atas segala jenis tindakan pendakwaan yang dilakukan negara lain ke atas budaya Indonesia (Guido, 2012: 41).

Sementara itu, amalan politik di Malaysia dilihat agak berbeza dengan amalan politik di Indonesia. Malaysia yang masih dikritik sebagai negara "semi-demokrasi" dilihat kurang memberikan ruang politik kepada masyarakatnya (Ufen, 2009: 604). Pilihan raya yang merupakan media aspirasi politik masyarakat dilihat tidak bersih dan tidak sejajar dengan hak politik dan kebebasan sivil oleh sesetengah kelompok. Begitu pula dengan kebebasan media, hak melakukan perhimpunan dan membentuk kesatuan yang dibatasi adalah bukti nyata bahawa amalan politik di Malaysia dipandang bertentangan dengan prinsip-prinsip keadilan (Ufen, 2009: 604–605). Walau bagaimanapun, sejajar dengan kemudahan menggunakan Internet dan perubahan peta politik selepas PRU12, media di Malaysia mula memberitakan hal-hal berkaitan dengan Indonesia. Beberapa media tempatan pula tidak segan untuk mengambil tajuk yang cukup provokatif dengan bahasa cukup kasar seperti "Ayam warga asing mengganggu penduduk" dalam *Utusan Malaysia* bertarikh 1 Mac 2007, "Kris Dayanti jual

tubuh" dalam *Harian Metro* bertarikh 22 Februari 2007 dan "Indon cemar KL" dalam *Harian Metro* bertarikh 21 Mac 2007 (Nasrullah, 2009: 491).

Oleh yang demikian, dalam konteks politik dalaman, Indonesia dilihat lebih dominan dalam memberikan reaksi ke atas isu tarian pendet berbanding reaksi di Malaysia. Perbezaan amalan dan budaya politik kedua-dua negara dilihat sebagai satu faktor perbezaan reaksi ke atas isu tarian pendet. Tidak dinafikan juga bahawa situasi politik sebegini turut mempengaruhi corak dan sikap politik yang ditunjukkan oleh elemen-elemen dalaman termasuk media, masyarakat dan ahli-ahli politik di Indonesia. Walaupun berbeza amalan politik, para elit politik di kedua-dua negara masih berfikir realistik dalam melihat isu tarian pendet dan tidak sampai menjejaskan hubungan rapat antara kedua-dua kerajaan. Justeru reaksi berlebihan kebanyakannya datang daripada pihak-pihak bukan kerajaan di Indonesia yang lebih banyak dipengaruhi oleh kondisi politik yang cenderung liberal.

Kesimpulannya, analisis yang dikemukakan ini jelas menunjukkan bahawa dalam konteks politik dalaman di Indonesia kelompok-kelompok pro-Megawati dilihat cukup menonjol. Di tengah pergaduhan politik menjelang keputusan sengketa Pilihan Raya Presiden 2009, munculnya kelompok radikal yang dilihat cukup berkesan dalam "mengganggu" proses politik yang berlangsung. Pihak Megawati dianggap sangat aktif melakukan bantahan-bantahan menerusi organisasi radikal seperti BENDERA berbanding calon lain. Hal ini boleh diramalkan kerana Susilo Bambang Yudhoyono sebagai pihak yang dijangka memenangi Pilihan Raya Presiden 2009 adalah musuh politik kepada Megawati. Oleh kerana itu, pada bahagian seterusnya dibincangkan isu tarian pendet yang mendapat sorotan luas daripada masyarakat Indonesia dan kesannya terhadap hubungan Indonesia-Malaysia.

## **ISU TARIAN PENDET DAN KESANNYA TERHADAP HUBUNGAN INDONESIA-MALAYSIA**

Dalam isu tarian pendet corak hubungan Indonesia-Malaysia menunjukkan satu fasa yang agak membimbangkan. Munculnya isu penyapuan warga Malaysia di Jakarta dan timbulnya isu pencerobohan ke Malaysia oleh beberapa organisasi semakin meruncingkan hubungan dua hala. Selain itu, munculnya reaksi daripada masyarakat dan kerajaan Malaysia dapat dilihat sebagai satu gambaran jelas bahawa hubungan dua hala agak terganggu. Pada masa yang sama pula pemerintah Indonesia dilihat agak berkeras dengan isu berkenaan.

Sebagaimana kes Ambalat, isu tarian pendet juga memanaskan ruang-ruang siber terutamanya dalam kalangan kaum muda di kedua-dua negara. Kata-kata cacian, makian dan hinaan seperti perkataan Malaysia diubah menjadi "Malingsia"<sup>3</sup> dan slogan "Ganyang Malaysia" sentiasa mencorakkan pengguna laman web. Dalam isu tarian pendet, muncul pelbagai kumpulan yang berbau

anti-Malaysia di laman sosial terutamanya Facebook. Menurut Chong (2012) di tengah panasnya isu tarian pendet muncul satu kumpulan yang berlabelkan "*We Hate Malaysia*" di laman Facebook. Dalam laman tersebut dipamerkan gambar-gambar yang cukup provokatif iaitu seorang penunjuk perasaan memijak Jalur Gemilang. Pada masa itu ahli kumpulan "*We Hate Malaysia*" mencapai 400,000 (Chong, 2012: 4). Selain itu, terdapat pula laman web berbau anti-Malaysia yang dibuat khas iaitu [www.malingsia.com](http://www.malingsia.com) yang sentiasa menyebarkan cacian dan makian terhadap Malaysia. Malah dalam laman tersebut dibuat pula satu tinjauan pendapat (*polling*) tentang gelaran yang layak diberikan kepada Malaysia. Hasilnya, daripada 13,000 pengundi telah memberikan gelaran kepada Malaysia seperti "*Malingsia*", "*Maling Asia*", "*CrazyMalay*" dan "*MalingShit*" (*New Straits Times*, 11 September 2009: 6). Sebaliknya tiada tindak balas daripada pengguna laman web dari Malaysia yang membuat kumpulan berbau anti-Indonesia (VIVANEWS, 2009b). Hal ini kerana sebagaimana dijelaskan sebelum ini bahawa disebabkan ruang media yang agak terhad, media-media di Malaysia tidak melakukan pemberitaan secara besar-besaran sebagaimana media di Indonesia. Keadaan sedemikian bertentangan dengan apa yang berlaku di Indonesia di mana isu tarian pendet diberitakan secara besar-besaran dan secara berterusan oleh media-media tempatan. Walau bagaimanapun, isu tarian pendet sedikit sebanyak mendapat perhatian masyarakat Malaysia disebabkan timbulnya isu penyapuan oleh aktivis BENDERA.

Munculnya isu penyapuan menjadi kebimbangan dan perhatian cukup serius di Malaysia. Kebimbangan tersebut muncul disebabkan organisasi BENDERA dilihat bertindak cukup melampau dengan membawa senjata tajam termasuk buluh. Malah, sebahagian masyarakat Indonesia juga menganggap bahawa tindakan penyapuan sebagai sebuah tindakan yang benar-benar bodoh dan memalukan (*Malay Mail*, 11 September 2009: 5). Manakala sebahagian masyarakat Malaysia menilai tindakan penyapuan sebagai golongan kiri melampau yang gila (*Los Angeles Times*, 2009: 20). Walau bagaimanapun, kejadian sedemikian amat disesalkan sama ada oleh Menteri Luar Malaysia, Datuk Anifah Aman mahupun Presiden Susilo Bambang Yudhoyono serta mencadangkan untuk memperkukuhkan lagi hubungan antara masyarakat kedua-dua negara (*New Straits Times*, 18 September 2009: 2). Selain itu, Datuk Anifah Aman juga cukup kesal dengan tindakan provokatif media-media di Indonesia (Anonymous, 2009a).

Di peringkat elit, sedikit sebanyak juga berlaku ketegangan. Menteri Pelancongan Indonesia, Jero Wacik misalnya tidak bersedia menerima permohonan maaf pihak kerajaan Malaysia. Pada pandangan Jero Wacik, permohonan maaf tersebut tidak cukup untuk menghapuskan beberapa siri tindakan Malaysia mendakwa ke atas beberapa produk budaya Indonesia. Jero Wacik juga menasihatkan agar Malaysia tidak melakukan pendakwaan kembali termasuk ke atas kain batik (Chong, 2012: 2). Sebaliknya, pihak Malaysia menerusi Dato' Sri Dr. Rais Yatim cukup terkejut dengan tindakan sebahagian

masyarakat Indonesia. Beliau cukup terkejut kerana hanya disebabkan sebuah tayangan video di televisyen, telah berkesudahan dengan tindakan membakar bendera dan melempar batu. Menurut beliau, tindakan sebahagian masyarakat Indonesia sedemikian dianggap sebagai tidak wajar, tidak masuk akal dan berfikiran sempit (Chong 2012: 12). Selain itu, beliau juga menasihatkan kepada media-media di Indonesia untuk tidak mengeksploitasi kes tarian pendet. Sebaiknya apabila terdapat pihak-pihak yang dirugikan maka perlu dilakukan perbincangan dan tidak beremosi dengan membaling batu dan membakar bendera (Anonymous, 2009b).

Beberapa pengamat juga menggambarkan bahawa dalam kes tarian pendet telah membawa kepada tergunanya hubungan dua hala Indonesia-Malaysia khasnya antara kedua-dua masyarakat. Pemimpin tertinggi kedua-dua belah pihak pula turut mengutuk respon negatif masyarakat Indonesia. Malah, tindakan organisasi BENDERA dan pendaftaran relawan mengingatkan kepada situasi hubungan Indonesia-Malaysia era Konfrontasi pada tahun 1963. Menurut pengamat politik Indonesia Wimar Witoelar situasi sedemikian serupa dengan situasi Konfrontasi kerana pada masa itu "sukarelawan maju mendaftarkan diri, bahkan pemerintah mengumpulkan mereka dan dihantar tentara ke Malaysia. Hasilnya 820 orang menjadi korban di pihak kita" (VIVANEWS, 2009d). Seterusnya, Wimar juga menyatakan bahawa tidak semua orang Indonesia marah terhadap Malaysia. Sehingga, aksi-aksi yang dilakukan sebahagian kelompok tidak dapat dikatakan mewakili masyarakat Indonesia (VIVANEWS, 2009d). Menurut Ikrar Nusa Bhakti (2009) tidak masuk akal juga apabila Indonesia marah terhadap Malaysia. Justeru, Malaysia pada dasarnya lebih menghormati dan bahkan mempromosikan kebudayaan Indonesia di luar negara. Walau bagaimanapun, masyarakat Indonesia pula pada dasarnya masih menunjukkan kecintaannya terhadap masyarakat Malaysia. Hal ini kerana dalam isu tarian pendet muncul pula slogan yang mengundang senyum iaitu "Ganyang Malaysia, Selamatkan Siti Nurhaliza!" (Ikrar, 2009).

Dari segi sosial dan budaya, berlakunya kes tarian pendet menjadi satu perkara yang cukup menggugat ikatan keserumpunan di antara kedua-dua negara. Walaupun sebelumnya pernah berlaku isu peyapuan, namun kes-kes tersebut tidak sampai menjejaskan hubungan kedua-dua negara. Apatah lagi selama pentadiran Suharto, isu-isu hubungan dua hala yang bersifat kebudayaan hampir tidak wujud. Hal ini kerana pemerintahan Suharto cukup serius menjaga keharmonian hubungan serumpun termasuk menubuhkan kerjasama kebudayaan menerusi rancangan *Titian Muhibah* (Viddy, 2008). Sebaliknya, akibat berlakunya perubahan-perubahan politik di Indonesia kerjasama kebudayaan sedikit sebanyak mengalami kemunduran. Hal ini diburukkan lagi dengan keterlibatan media-media di Indonesia yang cenderung bertindak sebagai provokatur berbanding sebagai pendamai. Walaupun kebudayaan transnasional sifatnya sebagaimana dijelaskan oleh Abubakar (2008), namun tindakan berunsur mendakwa atau melanggar hak cipta tidak dapat dibenarkan. Meskipun ianya



dilakukan oleh pihak-pihak bukan kerajaan, namun sepatutnya perkara sebegini dielakkan demi menjaga keharmonian hubungan kedua-dua negara serumpun.

Dalam konteks politik dalaman di Indonesia, agenda politik terutamanya di tengah pertelingkahan antara elit berkaitan keputusan Pilihan Raya Presiden 2009 dilihat sebagai penyumbang kepada ketegangan hubungan dua hala. Persengketaan hasil undi Pilihan Raya Presiden 2009 di antara para calon yang bertanding merupakan peringkat politik yang cukup menegangkan. Di tengah proses perbicaraan kes di mahkamah, keterlibatan organisasi BENDERA berserta isu penyapuan dan rencana pencerobohan ke Malaysia dilihat sebagai usaha untuk mengganggu kestabilan politik nasional. Terdapat dakwaan cukup kuat bahawa selepas keputusan Pilihan Raya Presiden 2009 muncul beberapa pihak yang berupaya melemahkan kredibiliti Presiden Susilo Bambang Yudhoyono sama ada di peringkat domestik mahupun di peringkat antarabangsa (Farish, 2009). Beberapa pihak yang dinilai menyumbang kepada ketegangan hubungan dua hala ialah akhbar *The Jakarta Post*, *Tempo* dan *Republika*. Manakala, saluran *Metro TV* yang dikendalikan oleh pemimpin tertinggi Parti GOLKAR Surya Paloh dilihat sebagai provokatur utama dalam kes tarian pendet. Selain itu, wujudnya beberapa ahli politik yang dikenali anti-Malaysia seperti ahli Parti PDI-P dan ahli Parti GOLKAR yang juga mantan Speaker Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) Agung Laksono, dinilai menyumbang kepada panasnya hubungan Indonesia-Malaysia dalam isu tarian pendet (Farish, 2009). Secara lebih terang isu tarian pendet dilihat sebagai satu isu yang boleh diguna pakai bagi meningkatkan suhu politik menjelang keputusan Pilihan Raya Presiden 2009. Presiden Susilo Bambang Yudhoyono yang sedang menikmati keunggulan perolehan undi sementara dihadapkan kepada tugas yang cukup berat iaitu mengawal proses demokrasi, mengawal kestabilan dalaman serta mempertahankan hubungan serumpun Indonesia-Malaysia. Namun hal itu nampaknya tidak berlaku bagi calon-calon yang kalah dalam apa jua isu termasuk tarian pendet yang berhubung kait dengan sensitiviti negara jiran (Malaysia), perlu diguna pakai bagi menjejaskan senario politik nasional dan seterusnya diharapkan boleh mengubah keputusan politik selepas Pilihan Raya Presiden 2009. Dalam konteks inilah peranan NGO BENDERA dilihat cukup menonjol dalam usaha memanas situasi politik Indonesia di bawah kendalian pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab.

Secara keseluruhannya, dalam kes tarian pendet, hubungan Indonesia-Malaysia dilihat cukup tegang khususnya antara kedua-dua masyarakat. Hal ini kerana timbulnya bantahan yang agak melampau oleh organisasi BENDERA. Adanya isu penyapuan dan isu pencerobohan ke Malaysia dilihat menjadi isu yang cukup menggugat hubungan dua hala. Walau bagaimanapun, tindakan provokasi yang dilakukan media-media di Indonesia dilihat sebagai pemangkin kepada ketegangan tersebut. Malah provokasi media tersebut turut tersebar ke ruang-ruang siber hingga muncul gerakan berbau anti-Malaysia. Secara tidak langsung pula, sentimen anti-Malaysia cenderung meningkat di Indonesia.

Sungguhpun demikian, hubungan Indonesia terutamanya di peringkat elit cenderung stabil di tengah pelbagai permasalahan seperti pendatang haram Indonesia di Malaysia dan keterlibatan sebahagian masyarakat Malaysia dalam aktiviti keganasan di Indonesia (Chong, 2012: 36–37). Kestabilan hubungan di peringkat elit ini tidak terlepas daripada rapatnya kedua-dua pucuk pimpinan negara yang cukup komited dalam menjaga keharmonian dua negara serumpun.

## KESIMPULAN

Daripada perbincangan ini maka terdapat beberapa kesimpulan berhubung kes tarian pendet dan hubungan Indonesia-Malaysia. Pertama, faktor domestik dilihat sebagai pemangkin kepada ketegangan hubungan Indonesia-Malaysia. Dalam hal ini kemelut politik pasca Pilihan Raya Presiden 2009 dilihat sebagai punca kepada ketegangan tersebut di tengah kebebasan media di Indonesia. Malah atas nama kebebasan, pemerintah Indonesia nampaknya tidak mampu mengawal dan bertindak ke atas organisasi seperti BENDERA dengan aksi-aksi melampau. Kedua, kes tarian pendet menunjukkan satu bukti bahawa keserumpunan di antara kedua-dua negara agak tergugat. Reaksi yang diberikan masyarakat Indonesia dalam kes tarian pendet salah satunya dipengaruhi oleh sentimen nasionalisme yang cukup tinggi. Ketiga, media-media di Indonesia pula sememangnya cenderung liberal dan bersikap provokasi. Secara tidak langsung ia membangkitkan semangat nasionalisme yang berbau anti-Malaysia. Sebaliknya, media-media di Malaysia dilihat cukup terkawal meskipun juga melakukan liputan tarian pendet namun masih pada peringkat yang sewajarnya. Di samping itu, bantahan-bantahan yang bersifat radikal dan berbau anti-Indonesia tidak dapat dikesan di Malaysia. Namun, bantahan-bantahan tersebut masih dilakukan pada peringkat yang cukup berhemah.

## NOTA

1. *Sesajen* merupakan sesajian-sesajian yang berbentuk benda, makanan, binatang, bunga dan lain-lain dipersembahkan (diberikan) sebagai tanda penghormatan atau rasa syukur kepada Tuhan, dewa, roh nenek moyang, makhluk halus yang dianggap dapat mendatangkan keberuntungan, menolak kesialan dan rasa syukur ke atas semua yang berlaku di masyarakat dengan pelbagai macam upacara keagamaan. Sila lihat Noprianto (2010).
2. Antara isu-isu utama yang perlu diselesaikan oleh *Eminent Persons Groups* (EPG) ialah meningkatkan hubungan antara masyarakat kedua-dua negara (*people-to-people*), isu salah faham, kurangnya kefahaman terhadap sejarah oleh generasi muda (*generation gap*) dan sebagainya. EPG bertanggungjawab secara terus kepada pucuk pimpinan negara Indonesia dan Malaysia. Kedua-dua negara masing-masing menghantar tujuh orang tokoh untuk menjadi wakil ke EPG. Tujuh tokoh Indonesia

ialah Try Sutrisno, Ali Alatas, Quraish Shihab, Des Alwi, Musni Umar, Pudentia dan Wahyuni Bahar. Manakala tujuh tokoh Malaysia ialah Tun Musa Hitam, Tan Sri Dato' Sri Mohd Zahidi Haji Zainuddin, Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim, Tan Sri Abdul Halim Ali, Tan Sri Datuk Amar Dr. Haji Hamid Bugo, Datuk Dr. Syed Ali Tawfik Al-Attas dan Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keputusan Presiden Republik Indonesia No. 20 Tahun 2008 Tentang Pembentukan Eminent Persons Group Indonesia; Tabloid Diplomasi, 2009).

3. Malingsia berasal daripada dua kata iaitu "Maling" yang bermakna pencuri dan "sia" merujuk kepada Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Zakaria Ghazali. 2009. Malaysia-Indonesia dalam sejarah: Liku-liku hubungan serumpun sehingga kurun ke-19. In *Setengah abad hubungan Malaysia-Indonesia*, eds. Mohamad Redzuan Othman, Md Sidin Ahmad Ishak, Jas Laile Suzana Jaafar, Adrianus Meliala and Sri Murni, 1–28. Shah Alam, Selangor: Arah Publications.
- Abubakar Eby Hara. 2011. *Pengantar analisis politik luar negeri: Dari realisme sampai konstruktivisme*. Bandung: Penerbit Nuansa.
- \_\_\_\_\_. 2008. Hubungan Indonesia dan Malaysia: Dari saudara serumpun ke "Smart partnership". Paper presented at Seminar Internasional Indonesia-Malaysia, Yogyakarta, Indonesia. 27–29 May.
- Agus Supono. 2012. *Pendet, tari tradisional dari Bali*. Jakarta: Radio Republik Indonesia (RRI). <http://rri.co.id/index.php/detailberita/detail/21606#.UDXYHsHiafs> (accessed 23 August 2012).
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2010. Politically engaged Muslims in Malaysia in the era of Abdullah Ahmad Badawi (2003–2009). *Asian Journal of Political Science* 18(2): 154–176.
- Ana Nadhya Abrar. 2008. Mengusahakan kesepahaman. In *Prosiding Persidangan Seminar Internasional Indonesia-Malaysia*. Yogyakarta: Universitas Gadjah Mada.
- ANTARA News. 2009. Malaysia tak akan balas demo di Indonesia. 9 September. <http://www.antaraneews.com/berita/1252471895/malaysia-tak-akan-balas-demo-di-indonesia> (accessed 22 June 2012).
- Anonymonger. 2009. Enigmatic Malaysia. 10 September. <http://www.youtube.com/watch?v=zgdj1r8kOBc/> (accessed 18 August 2013).
- Anonymous. 2009a. Malaysian minister "puzzled" over Indonesian media's behaviour. *BBC Monitoring Asia Pacific*, 21 September. <http://search.proquest.com/docview/460755994?accountid=14645/> (accessed 17 November 2012).
- \_\_\_\_\_. 2009b. Malaysian minister says Indonesian media exploited TV ad error. *BBC Monitoring Asia Pacific*, 8 September. <http://search.proquest.com/docview/460595941?accountid=14645/> (accessed 17 November 2012).

- Aspinall, E. 2010. Indonesia in 2009: Democratic triumphs and trials. *Southeast Asian Affairs* 2010: 103–125.
- Bernama. 2009. Active year for Malaysia's international relations. 18 December. [http://www.bernama.com/bernama/v3/news\\_lite.php?id=463158/](http://www.bernama.com/bernama/v3/news_lite.php?id=463158/) (accessed 14 November 2012).
- Chin, J. and C. H. Wong. 2009. Malaysia's electoral upheaval. *Journal of Democracy* 20(3): 71–85.
- Chong, J. W. 2012. "Mine, yours or ours?": The Indonesia-Malaysia disputes over shared cultural heritage. *SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia* 27(1): 1–53.
- Dewi Fortuna Anwar. 1994. *Indonesia in ASEAN: Foreign policy and regionalism*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Farish A. Noor. 2009. Malaysian-Indonesian relations and the "cultural conflict" between the two countries. *Malaysia update*. Singapore: Graduate School of Nanyang Technological University. <http://www.europe2020.org/spip.php?article620/> (accessed 13 November 2012).
- Gatra*. 19 Mac 2005.
- Guido, B. 2012. The Indonesian nationalism and perceived threats of neighbouring countries: Public opinion toward the ASEAN community. *International Journal on Social Science, Economics and Art* 2(3): 38–44.
- Gunawan Mashar. 2009. *Detik.com*, 12 August. JK ucapkan selamat kepada SBY-Boediono. <http://news.detik.com/read/2009/08/12/211916/1182163/10/jk-ucapkan-selamat-kepada-sby-boediono/> (accessed 15 November 2012).
- Harold, J. and D. Sheil-Small. 1979. *The undeclared war: The story of the Indonesian confrontation 1962–1966*. Kuala Lumpur: University of Malaya Co-Operative Bookshop LTD.
- Ikrar Nusa Bhakti. 2009. *Pendet dan Rasa Sayang He*. <http://aipi.wordpress.com/2009/08/25/pendet-dan-rasa-sayang-he/> (accessed 17 November 2012).
- Kadek Suartaya. 2009. *Tari Pendet menabur doa perdamaian jagat*. Denpasar, Bali: Institut Seni Indonesia. <http://www.isi-dps.ac.id/berita/tari-pendet-menabur-doa-perdamaian-jagat/> (accessed 13 November 2012).
- Kamarun, K. H. 2009. 1Malaysia menegaskan kembali pemuafakatan sosial antara kaum. *Ummatan Wasatan.net*. <http://ummatanwasatan.net/2009/09/1malaysia-menegaskan-kembali-pemuafakatan-sosial-antara-kaum/> (accessed 16 October 2012).
- Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI). 2009. Press release no. 11/PR/VIII/2009: Klarifikasi kontroversi gambar tari pendet. Kuala Lumpur. 25 August.
- Komisi Pemilihan Umum. 2009. Hasil rekapitulasi perolehan suara pasangan calon presiden dan wakil presiden dalam Pemilihan Umum Tahun 2009. Jakarta: Komisi Pemilihan Umum.

- Kompas.com*. 2009. Jangan terprovokasi iklan tari pendet "Malaysia". 23 August. <http://nasional.kompas.com/read/2009/08/23/0041180/jangan.terprovokasi.iklan.tari.pendet.malaysia/> (accessed 22 June 2012).
- Koran Jakarta*. 12 September 2009.
- Kunaseelan Muniandy. 1996. *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957–1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laurencius Simanjuntak. 2009a. *Detik.com*, 12 August. Gugatan Pilpres ditolak, Mega bisa pahami putusan MK. <http://news.detik.com/read/2009/08/12/183517/1182121/10/gugatan-pilpres-ditolak-mega-bisa-pahami-putusan-mk?nd771108bcj/> (accessed 15 November 2012).
- \_\_\_\_\_. 2009b. *Detik.com*, 12 August. Mega minta massa 'Bendera' pulang dan hindari aksi kekerasan. <http://news.detik.com/read/2009/08/12/195443/1182146/10/mega-minta-massa-bendera-pulang-dan-hindari-aksi-kekerasan?nd771108bcj/> (accessed 15 November 2012).
- Lili Yulyadi Arnakim. 2009. Hubungan dinamik antara Indonesia dan Malaysia pasca merdeka: Peranan faktor "co-religio" dalam hubungan dua hala. In *Setengah abad hubungan Malaysia-Indonesia*, eds. Mohamad Redzuan Othman, Md Sidin Ahmad Ishak, Jas Laile Suzana Jaafar, Adrianus Meliala and Sri Murni, 359–371. Shah Alam, Selangor: Arah Publications.
- Liow, J. C. 2005. *The politics of Indonesia-Malaysia relations: One kin, two nations*. London: Routledge Curzon.
- \_\_\_\_\_. 2004. Malaysia's approach to its illegal Indonesian migrant labour problem: Securitization, politics, or catharsis? Paper presented at IDSS-FORD Workshop on Non-Traditional Security in Asia, Singapore. 3–4 September. <http://www.rsis-ntsasia.org/resources/publications/research-papers/migration/Joseph%20Liow.pdf/> (accessed 28 November 2012).
- Los Angeles Times*. 21 October 2009.
- Ludiro Madu. 2012. Indonesia & Malaysia: Bringing community in bilateral relations. Paper presented at The 6th Indonesia-Malaysia International Conference, Surabaya, Indonesia. 10–12 July.
- Mahkamah Konstitusi Republik Indonesia. 2009. Risalah Sidang Perkara No. 108/PHPU.B-VII/2009 dan 109/PHPU.B-VII/2009. Jakarta: Mahkamah Konstitusi Republik Indonesia.
- Malay Mail*. 15 September 2009.
- \_\_\_\_\_. 11 September 2009.
- \_\_\_\_\_. 10 September 2009.
- Mandal, S. K. 2008. The national culture policy and contestation over Malaysian identity. In *Globalization and national autonomy: The experience of Malaysia*, eds. J. M. Nelson, J. Meerman and Abdul Rahman Embong, 273–300. Singapore and Bangi, Selangor: Institute of Southeast Asian Studies and Institute of Malaysian and International Studies.

- Maswadi Rauf. 2009. *Tantangan kabinet baru*. Jakarta: Asosiasi Ilmu Politik Indonesia. <http://aipi.wordpress.com/2009/10/22/tantangan-kabinet-baru/#more-1032/> (accessed 15 November 2012).
- Mohd Nasir Haji Ibrahim. 2008. Persepsi pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) terhadap Pilihan Raya Umum Ke-12. In *Prosiding seminar politik Malaysia*, eds. Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib and Abdul Kadir Rosline, 435–443. Shah Alam, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Noor Yazid. 2000. *Politik antarabangsa Asia Pasifik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mohamad Redzuan Othman, Md Sidin Ahmad Ishak, Jas Laile S. Jaafar, Adrianus Meliala and Sri Murni, eds. 2009. *Setengah abad hubungan Malaysia-Indonesia*. Shah Alam, Selangor: Arah Publications.
- Muhammad Takari Jilin Syahrizal. 2009. Kebudayaan nasional Indonesia dan Malaysia: Gagasan, terapan dan bandingannya. In *Setengah abad hubungan Malaysia-Indonesia*, eds. Mohamad Redzuan Othman, Md Sidin Ahmad Ishak, Jas Laile Suzana Jaafar, Adrianus Meliala and Sri Murni, 445–478. Shah Alam, Selangor: Arah Publications.
- Nasrullah Ali Fauzi. 2009. Indonesia dalam pandangan media Malaysia: Sebuah kajian awal. In *Setengah abad hubungan Malaysia-Indonesia*, eds. Mohamad Redzuan Othman, Md Sidin Ahmad Ishak, Jas Laile Suzana Jaafar, Adrianus Meliala and Sri Murni, 479–496. Shah Alam, Selangor: Arah Publications.
- New Straits Times*. 7 October 2009.
- \_\_\_\_\_. 22 September 2009.
- \_\_\_\_\_. 18 September 2009.
- \_\_\_\_\_. 12 September 2009.
- \_\_\_\_\_. 11 September 2009.
- \_\_\_\_\_. 10 September 2009. Threat against Malaysians.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2000. *Konfrontasi Malaysia-Indonesia*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noprianto Adiguna Tarugan. 2010. Sesajen: Studi deskripsi mengenai makna sesajen pada penganut agama Hindu etnis Karo di Desa Lau Rakit, Kecamatan STM Hilir, Kabupaten Deli Serdang, Propinsi Sumatera Utara. BA diss., Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia.
- Norhayati Mohd Salleh. 2008. Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU12): "Tsunami" politik Melayu? *JEBAT*(35): 49–64.
- Novi Kussuji Indrastuti. 2008. Mengembangkan komunikasi efektif antara Indonesia dan Malaysia melalui bahasa. In *Prosiding Persidangan Seminar Internasional Indonesia-Malaysia*. Yogyakarta: Universitas Gadjah Mada.

- Portal Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. 2012. Bernama: 8 Mac 2012: Hubungan rakyat dengan rakyat Malaysia-Indonesia perlu terus diperjuangkan. [http://www.kpkk.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=4560:bernama-8-mac-2012-hubungan-rakyat-dengan-rakyat-malaysia-indonesia-perlu-terus-diperjuangkan&catid=118:berita-terkini&Itemid=150&lang=bm](http://www.kpkk.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=4560:bernama-8-mac-2012-hubungan-rakyat-dengan-rakyat-malaysia-indonesia-perlu-terus-diperjuangkan&catid=118:berita-terkini&Itemid=150&lang=bm) (accessed 1 October 2012).
- Purteri Roslina Abdul Wahid. 2009. Kerjasama kebahasaan Indonesia-Malaysia: Pembakuan istilah dan pemodenan bahasa melalui MABBIM. In *Setengah abad hubungan Malaysia-Indonesia*, eds. Mohamad Redzuan Othman, Md Sidin Ahmad Ishak, Jas Laile Suzana Jaafar, Adrianus Meliala and Sri Murni, 533–543. Shah Alam, Selangor: Arah Publications.
- Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan and Baszley Bee Basrah Bee. 2007. Isu Ambalat: Reaksi perang Indonesia ke atas Malaysia dan implikasi kepada keselamatan serantau. *Malaysia Dari Segi Sejarah* (35): 103–118.
- Ramli Saadon. 2009. Dasar pelajaran kolonial British dan Belanda: Implikasi pembangunan sosiobudaya masyarakat Malaysia dan Indonesia. In *Setengah abad hubungan Malaysia-Indonesia*, eds. Mohamad Redzuan Othman, Md Sidin Ahmad Ishak, Jas Laile Suzana Jaafar, Adrianus Meliala and Sri Murni, 545–559. Shah Alam, Selangor: Arah Publications.
- Rose, G. 1998. Neoclassical realism and theories of foreign policy. *World Politics* 51(1): 144–172.
- Schneier, E. V. 2009. Reformasi and the Indonesian "War on terror": State, military and legislative–executive relations in an emerging democracy. *The Journal of Legislative Studies* 15(2–3): 294–313.
- Sekretariat Negara Republik Indonesia. 2009. Tidak bisa dibenarkan, *sweeping* terhadap warga negara Malaysia. 9 September. [http://www.setneg.go.id/index.php?option=com\\_content&task=view&id=3978&Itemid=55/](http://www.setneg.go.id/index.php?option=com_content&task=view&id=3978&Itemid=55/) (accessed 13 November 2012).
- Silfia Hanani. 2009. Sosio-kultural tenaga kerja Indonesia di Malaysia. Paper presented at Prosiding Persidangan Hubungan Malaysia-Indonesia "Serumpun Merentas Globalisasi", Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 6–8 August.
- Sterling-Folker, J. 1997. Realist environment, liberal process, and domestic politics. *International Studies Quarterly* 14(1): 1–25.
- Tabloid Diplomasi*. 2009. Eminent Persons Group Indonesia – Malaysia berupaya meningkatkan hubungan masyarakat kedua negara. 22 August. <http://www.tabloiddiplomasi.org/previous-isuue/46-september-2008/333-eminent-persons-group-indonesia--malaysia-berupaya-meningkatkan-hubungan-masyarakat-kedua-negara.html/> (accessed 5 June 2013).
- The Jakarta Post*. 19 June 2012.

- Ufen, A. 2009. The transformation of political party opposition in Malaysia and its implications for the electoral authoritarian regime. *Democratization* 16(3): 604–627.
- Utusan Online*. 2009. Ucapan dasar YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak sempena Perhimpunan Agung UMNO 2009, 15 October. [http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=umno2009b&pub=umno2009b&pg=ucapan\\_dasar\\_presiden.htm/](http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=umno2009b&pub=umno2009b&pg=ucapan_dasar_presiden.htm/) (accessed 16 November 2012).
- Viddy Daery. 2008. Perlunya kesadaran bangsa serumpun. *Jawa Pos*, 25 July.
- VIVANEWS. 2009a. Taufiq Kiemas hampir pasti ketua MPR. 2 October. [http://us.politik.news.viva.co.id/news/read/94048-taufiq\\_kiemas\\_hampir\\_pasti\\_ketua\\_mpr/](http://us.politik.news.viva.co.id/news/read/94048-taufiq_kiemas_hampir_pasti_ketua_mpr/) (accessed 15 November 2012).
- \_\_\_\_\_. 2009b. "We hate Malaysia" No 1, "Anti Malaysia" No 2. 11 September. [http://nasional.news.viva.co.id/news/read/89802-\\_we\\_hate\\_malaysia\\_\\_no\\_1\\_\\_anti\\_malaysia\\_\\_no\\_2/](http://nasional.news.viva.co.id/news/read/89802-_we_hate_malaysia__no_1__anti_malaysia__no_2/) (accessed 22 June 2012).
- \_\_\_\_\_. 2009c. SBY: Sweeping justru timbulkan masalah baru. 10 September. [http://nasional.news.viva.co.id/news/read/89387-sby\\_\\_sweeping\\_justru\\_timbulkan\\_masalah\\_baru/](http://nasional.news.viva.co.id/news/read/89387-sby__sweeping_justru_timbulkan_masalah_baru/) (accessed 22 June 2012).
- \_\_\_\_\_. 2009d. Mirip konfrontasi Malaysia era Soekarno. 8 September. [http://nasional.news.viva.co.id/news/read/88643-mirip\\_konfrontasi\\_malaysia\\_era\\_soekarno\\_](http://nasional.news.viva.co.id/news/read/88643-mirip_konfrontasi_malaysia_era_soekarno_) (accessed 17 November 2012).
- Wawan Purwanto. 2010. *Panas dingin hubungan Indonesia-Malaysia*. Jakarta: CMB Press.
- Waspada Online*. 2009. PDI-P Kirim Intel ke Malaysia. 7 September. [http://www.waspada.co.id/index.php?option=com\\_content&view=article&id=50401:pdip-kirim-intel-ke-malaysia&catid=17&Itemid=30/](http://www.waspada.co.id/index.php?option=com_content&view=article&id=50401:pdip-kirim-intel-ke-malaysia&catid=17&Itemid=30/) (accessed 19 August 2013).